

# penyata kewangan

- 76** Laporan Pengarah
- 80** Kunci Kira-kira
- 81** Penyata Pendapatan
- 82** Penyata Perubahan Ekuiti
- 86** Penyata Aliran Tunai
- 88** Nota Kepada Penyata Kewangan
- 139** Penyata Lembaga Pengarah
- 139** Akuan Berkanun
- 140** Laporan Juruaudit

# laporan pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka serta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006.

## KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat ini adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman utama yang diluluskan oleh Syarikat ini dan menerbitkan bon dan nota untuk membiayai pembelian tersebut. Syarikat ini juga membeli hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam dan menerbitkan bon berlandaskan prinsip Islam.

Selain itu, Syarikat juga menyediakan perkhidmatan pentadbiran kepada anak-anak syarikatnya. Kegiatan-kegiatan utama bagi anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 34 kepada penyata kewangan. Tiada sebarang perubahan ketara di dalam kegiatan-kegiatan utama Syarikat dan anak syarikatnya sepanjang tahun kewangan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Untung bersih untuk tahun ini	270,899	93,270

## DIVIDEN

Dividen yang dibayar oleh Syarikat ini sejak 31 Disember 2005 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun berakhir 31 Disember 2005, seperti yang ditunjukkan dalam laporan Pengarah tahun berkenaan,	
dividen kasar akhir sebanyak 10 sen sesyer di atas 150,000,000 syer biasa (ditolak cukai pendapatan sebanyak 28%) dibayar pada 9 Mei 2006	10,800
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006,	
dividen kasar interim sebanyak 5 sen sesyer di atas 150,000,000 syer biasa (ditolak cukai pendapatan sebanyak 28%) dibayar pada 12 Oktober 2006	5,400
	16,200

Para Pengarah kini mencadangkan pembayaran dividen kasar akhir sebanyak 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan sebanyak 27%) di atas 150,000,000 syer biasa berjumlah RM10,950,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006, bergantung kepada kelulusan ahli-ahli di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, akan dibayar pada 21 Mei 2007 kepada para pemegang syer yang berdaftar dalam Daftar Ahli Syarikat ini pada penutup perniagaan pada 26 April 2007.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Kesemua pindahan matan kepada atau dari rizab dan peruntukan sepanjang tahun ini ditunjukkan di dalam penyata kewangan.

## **PENUBUHAN ANAK SYARIKAT**

BNM Sukuk Berhad ("BNM Sukuk"), anak syarikat penuh milik Cagamas Berhad telah ditubuhkan pada 18 Januari 2006 dengan modal dibenarkan dan berbayar sebanyak RM2.

Cagamas SME Berhad ("CSME"), anak syarikat penuh milik Cagamas Berhad telah ditubuhkan pada 17 Februari 2006 dengan modal dibenarkan dan berbayar sebanyak RM2.

Bagaimanapun, kedua-dua syarikat ini tidak disatukan seperti yang dinyatakan di dalam Nota 34 kepada penyata kewangan.

## **PROFIL PENARAFAN BON**

Rating Agency Malaysia Berhad memberi penarafan AAA kepada terbitan bon-bon Kumpulan dan Syarikat ini. Malaysian Rating Corporation Berhad memberi penarafan AAA dan AAA<sub>IS</sub> kepada terbitan bon tersebut

## **URUS NIAGA PIHKAK BERKAITAN**

Kebanyakan urus niaga melibatkan pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pajakan, hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam serta terbitan sekuriti hutang tak bercagar adalah dibuat secara tulus dengan pelbagai institusi kewangan termasuk para pemegang saham penting Kumpulan dan Syarikat ini.

## **LEMBAGA PENGARAH**

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang terakhir adalah seperti berikut:

Dato' Ooi Sang Kuang (Pengerusi)	
Dato' Sri Tay Ah Lek	
Datuk Amirsham A. Aziz	
Dato' Mohd Razif Abdul Kadir	
Dato' Albert Yeoh Beow Tit	
Yvonne Chia	
YM Tunku Afwida Tunku A.Malek	
Tang Wing Chew	(dilantik pada 3.1.2006)
Cheah Tek Kuang	(dilantik pada 29.4.2006)
George Ratilal	(dilantik pada 29.4.2006)
Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz	(dilantik pada 18.1.2007)
Tan Sri Dato' Azman Hashim	(meletak jawatan pada 29.4.2006)
Tan Sri Dato' Tan Teong Hean	(meletak jawatan pada 29.4.2006)
Mohamed Azmi Mahmood	(meletak jawatan pada 29.4.2006)
Dato' Zarir Jal Cama	(meletak jawatan pada 29.4.2006)
Abdul Karim Md Lassim	(meletak jawatan pada 29.4.2006)
Sha&yne Keith Nelson	(meletak jawatan pada 2.11.2006)

Menurut Tataurusan Persatuan Syarikat ini, para Pengarah berikut akan bersara mengikut giliran di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula:

Dato' Sri Tay Ah Lek  
Datuk Amirsham A.Aziz  
Yvonne Chia

Menurut Tataurusan Persatuan Syarikat ini, para Pengarah berikut akan bersara di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dipilih semula:

Cheah Tek Kuang  
George Ratilal  
Dato' Sri Abdul Hamidy Abdul Hafiz

## **FAEDAH PENGARAH**

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Syarikat ini tidak terlibat di dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan Pengarah mendapat faedah melalui perolehan syer atau debentur Syarikat ini atau badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tidak ada Pengarah yang menerima atau layak untuk menerima apa-apa faedah (selain daripada yang dinyatakan sebagai ganjaran Pengarah dalam Nota 29 kepada penyata kewangan) berdasarkan kepada kontrak yang dibuat oleh Syarikat ini dengan Pengarah berkenaan atau dengan firma di mana Pengarah tersebut menjadi ahli, atau dengan syarikat ini yang ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

## **KEPENTINGAN PENGARAH**

Mengikut daftar pemegangan syer para Pengarah, Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam syer Syarikat ini.

## **MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:

- (a) untuk menentukan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan peruntukan untuk hutang ragu, dan berpuas hati bahawa segala hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak berkemungkinan terealisasi dalam urusan perniagaan biasa, nilainya yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat ini telah dikurangkan nilainya ke nilai yang dijangka boleh terealisasi.

Para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan pada tarikh laporan ini yang mungkin mengakibatkan:

- (a) jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan untuk hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini tidak mencukupi secara hakikinya; atau
- (b) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini mengelirukan; atau
- (c) kaedah yang digunakan untuk menilai aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat ini yang sedia ada mengelirukan atau tidak sesuai.

Pada pendapat para Pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang akan atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun ini yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat ini untuk memenuhi tanggungjawab tersebut apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:

- (a) sebarang cagaran terhadap aset Kumpulan atau Syarikat ini yang timbul sejak akhir tahun yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan atau Syarikat ini yang timbul sejak akhir tahun.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mendapati adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan atau penyata kewangan yang boleh mengakibatkan kekeliruan terhadap mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## **MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (SAMB.)**

Pada pendapat para Pengarah,

- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat ini sepanjang tahun tidak terjejas oleh sebarang butir, urus niaga atau kejadian yang matan dan luar biasa; dan
- (b) tiada timbul sebarang butir, urus niaga atau kejadian yang matan dan luar biasa dari akhir tahun hingga tarikh laporan ini yang boleh menjelaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat ini untuk tahun kewangan laporan ini disediakan.

## **JURUAUDIT**

Juruaudit Syarikat ini, PricewaterhouseCoopers telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus menjadi juruaudit Syarikat ini.

Selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 30 Mac 2007.

**DATO' OOI SANG KUANG**  
PENGARAH

**DATO' SRI TAY AH LEK**  
PENGARAH

# kunci kira-kira

pada 31 Disember 2006

	Nota	Kumpulan 2006 RM'000	2005 RM'000	Syarikat 2006 RM'000	2005 RM'000
<b>ASET</b>					
Tunai dan dana jangka pendek	5	1,526,412	1,790,591	1,236,668	1,397,068
Deposit dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	6	682,100	—	200,000	—
Instrumen kewangan derivatif	37	10,286	—	10,286	—
Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	7	490,444	642,205	395,980	642,205
Jumlah ter hutang dari rakan niaga	8	15,888,544	21,177,837	15,888,544	21,177,837
Aset-aset gadai janji	9	3,120,441	3,348,266	—	—
Aset-aset gadai janji secara Islam	10	2,050,388	2,080,171	—	—
Hutang pembiayaan secara Islam	11	5,255,649	2,682,146	5,255,649	2,682,146
Cukai boleh diperoleh semula		3,002	936	3,002	936
Aset-aset lain	12	281,591	299,993	37,846	42,598
Pelaburan di dalam anak syarikat	34	—	—	— *	— **
Harta dan kelengkapan	13	1,966	1,602	1,966	1,602
Aset tak ketara	14	15,804	13,957	15,804	13,957
Jumlah ter hutang dari anak syarikat		—	—	693	794
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>29,326,627</b>	<b>32,037,704</b>	<b>23,046,438</b>	<b>25,959,143</b>
<b>LIABILITI</b>					
Bon dan nota pembawa tidak bercagar	15	15,228,769	20,904,500	15,228,769	20,904,500
Bon secara Islam	16	6,200,679	3,455,036	6,200,679	3,455,036
Instrumen kewangan derivatif	37	8,889	2,746	8,889	2,746
Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman	17	3,615,000	3,615,000	—	—
Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman secara Islam	18	2,050,000	2,050,000	—	—
Cukai tertunda	19	136,589	81,050	24,077	16,642
Liabiliti-liabiliti lain	20	186,261	274,196	151,092	214,931
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>27,426,187</b>	<b>30,382,528</b>	<b>21,613,506</b>	<b>24,593,855</b>
<b>MODAL SYER</b>	21	150,000	150,000	150,000	150,000
<b>RIZAB</b>	22	1,750,440	1,505,176	1,282,932	1,215,288
<b>DANA PEMEGANG SYER</b>		<b>1,900,440</b>	<b>1,655,176</b>	<b>1,432,932</b>	<b>1,365,288</b>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SYER</b>		<b>29,326,627</b>	<b>32,037,704</b>	<b>23,046,438</b>	<b>25,959,143</b>
<b>ASET KETARA BERSIH SESYER (RM)</b>	31	<b>12.56</b>	<b>10.94</b>	<b>9.45</b>	<b>9.01</b>

\* Pelaburan di dalam anak syarikat adalah RM6

\*\* Pelaburan di dalam anak syarikat adalah RM2

Nota-nota di muka surat 88 hingga 138 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# penyata pendapatan

## bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006

	Nota	Kumpulan 2006 RM'000	2005 RM'000	Syarikat 2006 RM'000	2005 RM'000
PENDAPATAN FAEDAH	23	1,137,024	1,229,365	834,068	959,033
PENDAPATAN DARIPADA ASET SECARA ISLAM	24	206,046	158,529	—	—
PERBELANJAAN FAEDAH	25	(891,909)	(889,370)	(717,274)	(814,483)
PERBELANJAAN YANG BOLEH DIAGIHKAN KEPADА PEMEGANG BОН ISLAM	26	(93,683)	(37,217)	—	—
PENDAPATAN OPERASI SECARA ISLAM	43	14,719	5,844	14,719	5,844
PENDAPATAN BUKAN FAEDAH	27	<u>17,600</u>	<u>11,355</u>	<u>17,600</u>	<u>14,652</u>
PENDAPATAN BERSIH		389,797	478,506	149,113	165,046
PERBELANJAAN PENTADBIRAN DAN AM		(16,616)	(15,911)	(10,578)	(9,104)
KOS KAKITANGAN		<u>(9,596)</u>	<u>(5,830)</u>	<u>(9,596)</u>	<u>(5,830)</u>
UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT	28	363,585	456,765	128,939	150,112
CUKAI	30	(91,483)	(127,761)	(34,466)	(41,938)
ZAKAT	43(J)	<u>(1,203)</u>	<u>(1,164)</u>	<u>(1,203)</u>	<u>(1,164)</u>
UNTUNG BERSIH UNTUK TAHUN KEWANGAN INI		<u>270,899 *</u>	<u>327,840 *</u>	<u>93,270</u>	<u>107,010</u>
PENDAPATAN SESYER (SEN)	31	<u>180.6</u>	<u>218.6</u>	<u>62.2</u>	<u>71.3</u>
DIVIDEN SESYER (SEN)	32	<u>15</u>	<u>15</u>	<u>15</u>	<u>15</u>

\* Seperti yang dinyatakan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan, untung bersih untuk tahun ini termasuk untung untuk Cagamas MBS Berhad ("CMBS") sebanyak RM177,629,000 (2005: RM220,830,000) yang berkemungkinan tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada Kerajaan Malaysia selepas penyelesaian penuh RMBS/IRMBS.

Nota-nota di muka surat 88 hingga 138 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# penyata perubahan ekuiti

## bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006

Nota	Syer biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan dibayar sepenuhnya		Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan		Jumlah RM'000
	Modal Syer RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Lain-lain Rizab RM'000			
<b>Kumpulan</b>							
Baki pada 31 Disember 2005:							
Seperti yang dilaporkan sebelumnya	150,000	–	1,197,332	289,888	1,637,220		
Perubahan di dalam polisi perakaunan	–	20,702	(2,746)	–	–	17,956	
Seperti yang dinyatakan semula	150,000	20,702	1,194,586	289,888	1,655,176		
Perubahan nilai saksama bersih ke atas sekuriti pelaburan sedia untuk dijual, (ditolak cukai)	–	(5,476)	–	–	–	(5,476)	
Cukai tertunda ke atas penilaian semula sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	–	(3,959)	–	–	–	(3,959)	
Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf secara terus dalam ekuiti	–	(9,435)	–	–	–	(9,435)	
Untung bersih untuk tahun kewangan	–	–	270,899	–	–	270,899	
Jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf untuk tahun kewangan	–	(9,435)	270,899	–	–	261,464	
Pindahan ke rizab lain	–	–	(177,629)	177,629	–	–	
Dividen untuk tahun kewangan berakhir: 31 Disember 2005	–	–	(10,800)	–	–	(10,800)	
Dividen untuk tahun kewangan berakhir: 31 Disember 2006	–	–	(5,400)	–	–	(5,400)	
Baki pada 31 Disember 2006	21 & 22	150,000	11,267	1,271,656	467,517 *	1,900,440	

\* Seperti yang dinyatakan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan, rizab-rizab lain berkaitan dengan perolehan tertahan CMBS adalah tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada Kerajaan Malaysia selepas penyelesaian penuh RMBS/IRMBS.

Nota-nota di muka surat 88 hingga 138 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# penyata perubahan ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 (cont'd)

Nota	Syer biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan dibayar sepenuhnya	Tidak boleh diagihkan	Boleh diagihkan	Jumlah RM'000	
	Modal Syer RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Perolehan Tertahan RM'000		
<b>Kumpulan</b>					
Baki pada 1 Januari 2005:	150,000	–	1,106,522	69,058	1,325,580
Untung bersih untuk tahun kewangan	–	–	327,840	–	327,840
Jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang diktiraf untuk tahun kewangan	–	–	327,840	–	327,840
Pindahan ke rizab lain	–	–	(220,830)	220,830	–
Dividen untuk tahun kewangan berakhir: 31 Disember 2004	–	–	(10,800)	–	(10,800)
Dividen untuk tahun kewangan berakhir: 31 Disember 2005	–	–	(5,400)	–	(5,400)
Baki pada 31 Disember 2005:					
Seperti yang dilaporkan sebelumnya	150,000	–	1,197,332	289,888	1,637,220
Kesan pengadaptasian FRS 139	–	20,702	(2,746)	–	17,956
Seperti yang dinyatakan semula	21 & 22	150,000	20,702	1,194,586	289,888
					1,655,176

\* Seperti yang dinyatakan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan, rizab-rizab lain berkaitan dengan perolehan tertahan CMBS adalah tertakluk kepada yuran bonus budi bicara kepada Kerajaan Malaysia selepas penyelesaian penuh RMBS/IRMBS.

Nota-nota di muka surat 88 hingga 138 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# penyata perubahan ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 (cont'd)

Nota	Syer biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan dibayar sepenuhnya	Tidak boleh diagihkan	Boleh diagihkan	Jumlah RM'000	
	Modal Syer RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Perolehan Tertahan RM'000		
<b>Syarikat</b>					
Baki pada 31 Disember 2005:					
Seperti yang dilaporkan sebelumnya	150,000	–	1,197,332	1,347,332	
Perubahan di dalam polisi perakaunan	–	20,702	(2,746)	17,956	
Seperti yang dinyatakan semula	150,000	20,702	1,194,586	1,365,288	
Perubahan nilai saksama bersih ke atas sekuriti pelaburan sedia untuk dijual, (ditolak cukai)	–	(5,463)	–	(5,463)	
Cukai tertunda ke atas penilaian semula sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	–	(3,963)	–	(3,963)	
Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf secara terus dalam ekuiti	–	(9,426)	–	(9,426)	
Untung bersih untuk tahun kewangan	–	–	93,270	93,270	
Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf untuk tahun kewangan	–	(9,426)	93,270	83,844	
Dividen untuk tahun kewangan berakhir: 31 Disember 2005	–	–	(10,800)	(10,800)	
Dividen untuk tahun kewangan berakhir: 31 Disember 2006	–	–	(5,400)	(5,400)	
Baki pada 31 Disember 2006	21 & 22	150,000	11,276	1,271,656	
		<b>150,000</b>	<b>11,276</b>	<b>1,271,656</b>	
				<b>1,432,932</b>	

Nota-nota di muka surat 88 hingga 138 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# penyata perubahan ekuiti

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 (cont'd)

Nota	Syer biasa RM1 setiap satu diterbitkan dan dibayar sepenuhnya	Tidak boleh diagihkan	Boleh diagihkan	Jumlah RM'000
	Modal Syer RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	
<b>Syarikat</b>				
Baki pada 1 Januari 2005	150,000	–	1,106,522	1,256,522
Untung bersih untuk tahun kewangan	–	–	107,010	107,010
Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf untuk tahun kewangan	–	–	107,010	107,010
Dividen untuk tahun kewangan berakhir: 31 Disember 2004	–	–	(10,800)	(10,800)
Dividen untuk tahun kewangan berakhir: 31 Disember 2005	–	–	(5,400)	(5,400)
Baki pada 31 Disember 2005:				
Seperti yang dilaporkan sebelumnya	150,000	–	1,197,332	1,347,332
Kesan pengadaptasian FRS 139	–	20,702	(2,746)	17,956
Seperti yang dinyatakan semula	21 & 22	150,000	20,702	1,194,586
				1,365,288

Nota-nota di muka surat 88 hingga 138 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# penyata aliran tunai

## bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006

	Nota	Kumpulan 2006 RM'000	2005 RM'000	Syarikat 2006 RM'000	2005 RM'000
<b>KEGIATAN KENDALIAN</b>					
Untung bersih untuk tahun kewangan ini		270,899	327,840	93,270	107,010
Pelarasan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dan yang tidak melibatkan pergerakan tunai dan setara tunai:					
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun ke atas sekuriti pelaburan sedia untuk dijual		(364)	821	483	821
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun ke atas sekuriti hutang secara Islam		2,024	2,751	2,024	2,751
Pertambahan diskaun aset gadai janji		(109,583)	(107,741)	–	–
Pertambahan diskaun aset gadai janji secara Islam		(92,257)	(73,242)	–	–
Pendapatan daripada sekuriti hutang secara Islam		(12,099)	(11,311)	(12,099)	(11,311)
Pendapatan faedah		(1,027,078)	(1,122,445)	(834,551)	(959,854)
Pendapatan daripada aset secara Islam		(113,789)	(85,287)	–	–
Lain-lain pendapatan kendalian		(957)	(3,341)	(957)	(3,341)
Perbelanjaan faedah		891,910	889,370	717,274	814,483
Untung yang boleh diagihkan kepada para pemegang bon Islam		93,683	37,217	–	–
Susut nilai harta dan peralatan		527	1,739	527	1,739
Pelunasan aset tak ketara		2,070	–	2,070	–
Hasil ke atas pelupusan harta dan peralatan		(36)	–	(36)	–
Hasil ke atas pelupusan sekuriti sedia untuk dijual		(369)	–	(369)	–
Hasil yang belum direalisasi ke atas swap kadar faedah		(4,143)	–	(4,143)	–
Aset tak ketara yang dihapus-kira		128	–	128	–
Cukai		91,483	127,761	34,466	41,938
Zakat		1,203	1,164	1,203	1,164
Untung kendalian sebelum perubahan modal kerja		(6,749)	(14,704)	(710)	(4,600)
Pengurangan dalam jumlah terhutang dari rakan niaga		5,289,293	4,119,300	5,289,293	4,119,300
Pertambahan hutang pembiayaan secara Islam		(2,573,503)	(470,919)	(2,573,503)	(470,919)
Pengurangan/(Pertambahan) aset gadai janji		337,408	(1,715,771)	–	–
Pengurangan/(Pertambahan) aset gadai janji secara Islam		122,041	(2,006,930)	–	–
Pertambahan aset-aset lain		(370)	(77,308)	(9,749)	(1,778)
Pengurangan bon dan nota tidak bercagar		(5,675,731)	(3,284,495)	(5,675,731)	(3,284,495)
Pertambahan bon secara Islam		2,745,643	906,678	2,745,643	906,678
Pertambahan sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman		–	2,060,000	–	–
Pertambahan dalam sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman secara Islam		–	2,050,000	–	–
Pertambahan/(Pengurangan) liabiliti-liabiliti lain		8,411	(1,839)	8,414	(1,818)
Tunai hasil daripada/(digunakan dalam) kegiatan kendalian		246,443	1,564,012	(216,343)	1,262,368

Nota-nota di muka surat 88 hingga 138 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# penyata aliran tunai

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 (samb.)

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Faedah diterima	1,038,706	1,047,287	843,864	966,759
Pendapatan daripada aset secara Islam	115,642	28,567	—	—
Faedah dibayar	(958,055)	(942,407)	(783,419)	(872,997)
Untung yang boleh diagihkan kepada para pemegang bon Islam	(93,683)	(23,613)	—	—
Pembayaran zakat	(1,163)	(440)	(1,163)	(440)
Pembayaran cukai	(66,060)	(61,990)	(33,060)	(40,176)
Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) kegiatan kendalian	281,831	1,611,416	(190,121)	1,315,514
<b>KEGIATAN PELABURAN</b>				
Pembelian:				
Pelaburan	(188,631)	(251,407)	(95,000)	(251,407)
Harta dan peralatan	(960)	(957)	(960)	(957)
Aset tak ketara	(3,917)	—	(3,917)	—
Pendapatan diterima daripada sekuriti hutang secara Islam	4,282	5,588	4,282	5,588
Hasil ke atas pelupusan harta dan peralatan	100	—	100	—
Hasil daripada jualan pelaburan sekuriti sedia untuk dijual	200,646	—	200,646	—
Penebusan pelaburan	145,077	69,922	145,077	69,922
Penebusan swap kadar faedah	(4,307)	—	(4,307)	—
Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) kegiatan pelaburan	152,290	(176,854)	245,921	(176,854)
<b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>				
Pembayaran dividen	(16,200)	(16,200)	(16,200)	(16,200)
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan	(16,200)	(16,200)	(16,200)	(16,200)
Pertambahan bersih dalam tunai dan kesamaan tunai	417,921	1,418,362	39,600	1,122,460
Tunai dan kesamaan tunai pada awal tahun kewangan	1,790,591	372,229	1,397,068	274,608
Tunai dan kesamaan pada akhir tahun kewangan	2,208,512	1,790,591	1,436,668	1,397,068
<b>Analisa tunai dan kesamaan tunai:</b>				
Tunai dan dana jangka pendek	5	1,526,412	1,236,668	1,397,068
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	6	682,100	200,000	—
		2,208,512	1,790,591	1,436,668
				1,397,068

Nota-nota di muka surat 88 hingga 138 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# nota-nota kepada penyata kewangan

## 1 MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat ini adalah membeli pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan dari pemberi pinjaman primer yang diluluskan oleh Syarikat ini dan menerbitkan bon dan nota untuk membayai pembelian tersebut. Syarikat ini juga membeli hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam dan menerbitkan bon berlandaskan prinsip Islam.

Selain itu, Syarikat juga menyediakan perkhidmatan pentadbiran kepada anak-anak syarikat. Kegiatan utama bagi anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 34 kepada penyata kewangan. Tiada sebarang perubahan ketara di dalam kegiatan utama Syarikat dan anak syarikat ini di dalam tahun kewangan semasa.

Syarikat ini merupakan syarikat liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama urusan perniagaan ialah Tingkat 19, Bahagian Barat, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.

## 2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten ke atas butir-butir yang dianggap matan berkaitan dengan penyata kewangan, melainkan sekiranya dinyatakan.

### (a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah melainkan sekiranya dinyatakan di dalam ringkasan dasar-dasar penting perakaunan ini menurut Piawaian Laporan Kewangan, Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata kewangan ini menggabungkan aktiviti berkaitan dengan operasi secara Islam Kumpulan dan Syarikat ini.

Operasi secara Islam Kumpulan dan Syarikat ini merujuk kepada pembelian hutang pembiayaan rumah, hutang sewa beli dan aset gadai janji secara Islam daripada pemberi pembiayaan yang diluluskan, dan penerbitan sekuriti hutang berlandaskan prinsip Syariah, serta pembelian, pelaburan dan dagangan instrumen kewangan Islam. Dalam perakaunan bagi operasi secara Islam, Kumpulan dan Syarikat ini telah mengubahsuai dasar perakaunan, sekiranya perlu, untuk mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965, Piawaian Laporan Kewangan dan Piawaian Perakaunan yang diluluskan oleh MASB di Malaysia untuk Entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian, memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritis yang memberi kesan kepada nilai yang dilaporkan bagi aset dan liabiliti dan nota untuk aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan nilai yang dilaporkan untuk perolehan dan perbelanjaan sepanjang tahun laporan kewangan. Semasa menggunakan polisi perakaunan Syarikat ini, para Pengarah perlu menggunakan pertimbangan. Walaupun anggaran-anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah untuk kejadian dan tindakan semasa, keputusan sebenar berkemungkinan berbeza daripada nilai anggaran tersebut.

Anggaran dan andaian perakaunan yang kritis yang memberi kesan ketara kepada penyata kewangan dan bahagian-bahagian yang melibatkan darjah pertimbangan yang tinggi dan kompleks dinyatakan di dalam Nota 3: Anggaran dan andaian perakaunan yang kritis.

Sepanjang tahun kewangan, Kumpulan dan Syarikat ini telah mengadaptasi Piawaian Laporan Kewangan yang baru dan pindaan serta intrepretasi IC yang dikeluarkan oleh MASB yang berkuatkuasa dari 1 Januari 2006 bagi penyata kewangan.

## **2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)**

### **(a) Asas penyediaan (samb.)**

Piawaian Laporan Kewangan yang baru dan disemak semula serta intrepretasi IC yang berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat ini adalah seperti berikut:

FRS 1	Aplikasi Piawaian Pelaporan Kewangan Kali Pertama
FRS 3	Gabungan Perniagaan
FRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan
FRS 108	Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Ralat Perakaunan
FRS 110	Peristiwa Selepas Tarikh Kunci Kira-kira
FRS 112	Percukaian
FRS 116	Hartanah dan Peralatan
FRS 127	Penyata Kewangan yang Disatukan dan Diasingkan
FRS 132	Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan
FRS 133	Pendapatan Sesyer
FRS 136	Penjejasan Aset
FRS 138	Aset Tak Ketara
IC Interpretation 112	Penyatuan – Entiti Tujuan Khas

Segala perubahan dalam dasar perakaunan telah disediakan berdasarkan peruntukan peralihan bagi piawaian masing-masing serta pindaan terhadap piawaian dan tafsiran yang telah diterbitkan.

Kumpulan dan Syarikat ini telah mengadaptasi FRS baru berikut untuk menyediakan maklumat telus dan boleh dipercayai kepada para pemegang pelbagai kepentingan.

FRS 117	Pajakan
FRS 124	Pendedahan Berkenaan Urus niaga Pihak Berkaitan
FRS 139	Instrumen Kewangan: Penilaian dan Pengukuran
MASB TR i-1	Perakaunan bagi Zakat Perniagaan

Adaptasi awal bagi FRS 139 telah menyebabkan perubahan dalam dasar perakaunan bagi instrumen-instrumen kewangan dan diterangkan dengan lebih lanjut di dalam nota kepada dasar perakaunan berikut:

- Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual – Lihat 2(e); dan
- Instrumen kewangan derivatif – Lihat 2(o)

FRS 139 digunakan secara prospektif bermula dari 1 Januari 2006 dalam penyediaan penyata kewangan kerana penggunaan piawaian secara retrospektif tidak dibenarkan untuk adaptasi kali pertama. Oleh itu, sekuriti pelaburan bagi tahun sebelumnya telah diklasifikasikan semula kepada sekuriti pelaburan sedia untuk dijual bagi mematuhi pengklasifikasi dan perseimbahan baru.

Kesan ke atas pengadaptasian FRS 139 dinyatakan dalam Nota 45(a) dan (c) kepada penyata kewangan.

### **(b) Dasar penyatuan**

Penyata kewangan yang telah disatukan mengabungkan penyata kewangan Syarikat dan anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan, kecuali bagi BNM Sukuk dan CSME. Butiran lanjut dinyatakan dalam Nota 34 kepada penyata kewangan.

## **2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)**

### **(b) Dasar penyatuan (samb.)**

Anak-anak syarikat ialah kesemua entiti (termasuk entiti tujuan khas) ("SPE") di mana Kumpulan ini mempunyai kuasa untuk mengawal polisi operasi dan kewangan untuk mendapatkan faedah daripada aktiviti mereka secara amnya apabila Kumpulan ini mempunyai lebih daripada separuh hak mengundi. Kewujudan dan kesan daripada potensi hak mengundi yang sedang digunakan atau boleh ditukar akan dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan ini mengawal sesuatu entiti.

Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah pembelian dalam perakaunan, disatukan dari tarikh kuasa dipindahkan kepada Kumpulan ini. Anak-anak syarikat ini akan diasingkan daripada Kumpulan ini dari tarikh kuasa itu luput.

Urus niaga antara Syarikat, baki dan hasil belum terealisasi ke atas urus niaga akan dilupuskan semasa penyatuan. Pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan anak syarikat ini bagi memastikan dasar perakaunan adalah konsisten dengan dasar perakaunan Kumpulan ini, sekiranya perlu.

### **(c) Jumlah ter hutang dari rakan niaga**

Nota 1 di dalam penyata kewangan ini menerangkan tentang kegiatan utama Kumpulan dan Syarikat ini iaitu, antara lain, membeli pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan. Kegiatan ini juga dinyatakan di dalam fasal Memorandum Persatuan Syarikat ini.

Pembelian "Pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan" telah diklasifikasikan semula sebagai "Jumlah ter hutang dari rakan niaga" di dalam kunci kira-kira menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia kepada institusi kewangan pada 31 Julai 2001. Walau bagaimanapun, Syarikat ini dan rakan niaga kepada urus niaga tersebut masih menganggap urus niaga berkenaan sebagai urusan jual beli. Syarikat ini dan rakan niaga yang berkaitan telah memeterai perjanjian yang menyatakan bahawa sebarang pengklasifikasi semula perakaunan yang dibuat hanyalah untuk memenuhi konvensyen perakaunan dan/atau untuk mematuhi arahan pihak berkuasa dan ianya tidak mencerminkan atau mengubah tujuan pihak yang terabit untuk menjalankan urusan jualan dalam erti kata yang sebenar.

Pada tarikh kunci kira-kira, jumlah ter hutang daripada rakan niaga dalam hal pinjaman gadai janji dan hutang sewa beli dan pemajakan adalah dinyatakan pada baki pokok belum berbayar ter hutang kepada Syarikat. Pendapatan untung di atas jumlah ter hutang daripada rakan niaga adalah berdasarkan asas akruan dan masing-masing kadar faedah telah dikira mengikut baki pada setiap bulan.

### **(d) Aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam**

Aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam telah diperoleh daripada anak syarikat daripada Kerajaan Malaysia pada nilai saksama. Pemberi pinjaman akan bertindak sebagai penyelenggara dan membayar ansuran pokok dan faedah daripada aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam kepada anak syarikat pada jangkamasa yang telah ditetapkan seperti yang dipersetujui kedua-dua pihak.

Pada tarikh kunci kira-kira, aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam yang telah diperoleh telah dinyatakan pada baki pokok belum berbayar ter hutang kepada anak syarikat. Pendapatan faedah/untung di atas aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam adalah berdasarkan asas akruan dan telah dikira pada kadar faedah yang masing-masing mengikut kadar faedah/untung berdasarkan asas bulanan.

Diskaun yang timbul daripada perbezaan di antara harga belian dan nilai buku untuk aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam telah diperolehi ditambah kepada penyata keuntungan sepanjang hayat aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam tersebut.

### **(e) Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual ("AFS")**

Sekuriti pelaburan AFS ialah sekuriti yang diperolehi dan dipegang untuk menjana hasil atau pertumbuhan modal dan kerap dipegang bagi tempoh masa yang tidak menentu, dan boleh dijual sebagai reaksi kepada keadaan pasaran.

Pembelian dan penjualan pelaburan adalah diiktiraf dari tarikh Kumpulan dan Syarikat ini bersetuju untuk membeli atau menjual aset tersebut. Pelaburan akan dikeluarkan apabila Kumpulan dan Syarikat ini memindah milik hampir kesemua risiko dan faedah pemilikan.

## **2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)**

### **(e) Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual (“AFS”) (samb.)**

Sekuriti pelaburan AFS adalah dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh kunci kira-kira dengan perubahan nilai saksama terkumpul ditunjukkan dalam rizab nilai saksama dalam ekuiti, dan dinyatakan dalam penyata pendapatan apabila sekuriti pelaburan tersebut dilupuskan, dikumpul atau dijual, atau apabila sekuriti tersebut didapati terjejas. Nilai saksama bagi sekuriti pelaburan tersebut ditentukan menggunakan sebut harga pasaran indikatif atau harga pasaran yang dapat dilihat pada tarikh laporan kewangan.

Hasil atau kerugian terealisasi daripada pengeluaran sekuriti pelaburan AFS, dikira berdasarkan perbezaan di antara perolehan yang diterima dengan nilai dibawa sekuriti tersebut ditambah dengan hasil atau kerugian belum terealisasi terkumpul yang berhasil daripada perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam ekuiti sebelumnya, akan dikreditkan atau dicaj kepada penyata pendapatan tahun semasa.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan ini menilai sama ada penjejasan aset wujud. Sekiranya wujud, analisa akan dilakukan untuk menilai sama amaun dibawa aset tersebut oleh pulih sepenuhnya. Penghapusan akan dibuat sekiranya amaun dibawa melebihi amaun boleh pulih.

Faedah daripada sekuriti pelaburan AFS dikira menurut asas akruan. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun bagi sekuriti pelaburan AFS diiktiraf sebagai pendapatan faedah dengan menggunakan kaedah kadar hasil efektif.

Dalam tahun-tahun sebelumnya, Sekuriti Kerajaan Malaysia, sekuriti hutang persendirian jangka-panjang dan sekuriti hutang secara Islam dinyatakan pada kos selepas pelunasan premium atau pertambahan diskaun sehingga tarikh sekuriti tersebut matang.

Kesan daripada adaptasi FRS 139 dinyatakan di dalam Nota 45(a) dan (c) kepada penyata kewangan.

### **(f) Pelaburan di dalam anak syarikat**

Anak syarikat ialah syarikat di mana Kumpulan ini mempunyai kuasa untuk mengawal polisi operasi dan kewangannya untuk mendapatkan faedah daripada aktivitinya secara amnya apabila Kumpulan ini mempunyai lebih daripada separuh hak mengundi.

Pelaburan di dalam anak syarikat ditunjukkan pada kos ditolak kerugian penjejasan, jika ada. Apabila ada petunjuk yang penjejasan wujud, amaun dibawa pelaburan tersebut akan dinilai dan dilupuskan secara serta merta kepada amaun boleh pulih.

### **(g) Harta dan peralatan**

Harta dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul, jika ada. Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan butiran tersebut.

Susut nilai dikira menurut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut pada sepanjang anggaran hayat berguna aset tersebut. Kadar susut nilai tahunan utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Peralatan pejabat	20 – 25%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	10%

Kos-kos berikut dimasukkan ke dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai satu aset yang berasingan sekiranya terdapat kemungkinan bahawa manfaat faedah ekonomi akan datang yang berkaitan dengan butiran tersebut akan mengalir kepada Syarikat ini, dan kos butiran tersebut dapat diukur dengan munasabah. Amaun dibawa bagi bahagian yang diganti dikeluarkan daripada aset tersebut. Kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain diambil dikira dalam penyata pendapatan pada sepanjang tempoh kewangan ia berlaku.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat menilai sama ada terdapat petunjuk adanya penjejasan. Sekiranya wujud, analisa akan dilakukan untuk menilai sama ada nilai buku sesuatu aset dapat dipulihkan sepenuhnya. Penghapusan akan dibuat sekiranya nilai buku melebihi amaun yang dapat dipulihkan. Lihat polisi perakaunan Nota 2(i) mengenai penjejasan aset.

## **2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)**

### **(g) Harta dan peralatan (samb.)**

Hasil dan kerugian daripada pelupusan akan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa dan ia diambil kira di dalam untung/(kerugian) daripada operasi. Bagi pelupusan ke atas aset yang telah dinilai semula, amaun yang terdapat dalam rizab penilaian semula berkaitan dengan aset tersebut akan dipindahkan kepada pendapatan tertahan.

### **(h) Penjejasan aset**

#### **(i) Aset kewangan**

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat ini akan menilai sama ada terdapat bukti nyata wujudnya penjejasan aset. Apabila aset terjejas dan kerugian penjejasan berlaku, dan jika terdapat bukti nyata penjejasan berlaku akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang terjadi selepas pengiktirafan permulaan aset tersebut (peristiwa kerugian) dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian tersebut mempunyai kesan kepada anggaran aliran tunai masa hadapan aset berkenaan yang dipercayai boleh dianggar.

#### **(ii) Aset bukan kewangan**

Aset yang mempunyai jangka hayat berguna yang berpanjangan tidak dilunaskan dan akan dinilai setiap tahun untuk penjejasan. Aset yang dilunaskan dinilai untuk penjejasan apabila berlakunya peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan amaun dibawa tidak mungkin boleh pulih. Kerugian penjejasan dikira apabila amaun dibawa untuk aset berkenaan melebihi amaun boleh pulihnya. Amaun boleh pulih ialah nilai saksama aset ditolak kos untuk penjualan dan nilai yang digunakan, mana-mana yang lebih tinggi. Kerugian penjejasan diambil kira di dalam penyata pendapatan.

### **(i) Pengiktirafan pendapatan**

Pendapatan faedah dan pendapatan daripada aset secara Islam dikira menurut asas akruan. Untuk operasi secara Islam, pendapatan diambil kira menurut perakaunan asas akruan. Pertambahan diskaun dinyatakan dengan menggunakan kaedah kadar hasil efektif.

### **(j) Premium dan diskaun ke atas bon pembawa tidak bercagar**

Premium ke atas bon pembawa tidak bercagar merupakan lebihan harga terbitan daripada nilai penebusan bon berkenaan dan ditambah kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon tersebut. Apabila nilai penebusan melebihi harga terbitan bon berkenaan, perbezaan berkenaan iaitu diskaun yang diperolehi akan dilunaskan kepada penyata pendapatan mengikut jangka hayat bon tersebut.

### **(k) Cukai pendapatan**

Perbelanjaan cukai semasa telah ditentukan menurut Undang-undang Percukaian Malaysia dan termasuk kesemua cukai berdasarkan untung kena cukai.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, dengan menggunakan kaedah liabiliti, di atas perbezaan sementara iaitu perbezaan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai buku di dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul akibat daripada pengiktirafan permulaan aset atau liabiliti di dalam urus niaga selain daripada kombinasi perniagaan yang semasa urus niaga tersebut tidak menjelaskan untung dan rugi perakaunan atau boleh cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya pada tahap sekiranya untung boleh cukai pada masa hadapan berkemungkinan diperolehi dan boleh digunakan untuk mengimbangi perbezaan sementara atau kerugian cukai.

Cukai tertunda dikira atas perbezaan sementara yang timbul daripada pelaburan di dalam anak syarikat kecuali di mana waktu penarikbalikkan perbezaan sementara dapat dikawal dan terdapat kemungkinan perbezaan sementara tersebut tidak akan dibalikkan pada masa hadapan.

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada tarikh kunci kira-kira dan dijangkakan akan digunakan apabila aset cukai tertunda berkenaan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda selesai.

## **2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)**

### **(l) Tunai dan kesamaan tunai**

Tunai dan kesamaan tunai merangkumi wang tunai dan baki di dalam bank dan institusi kewangan lain dan pelaburan jangka pendek di dalam instrumen pasaran wang dan sedia di ubah kepada tunai tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

### **(m) Instrumen kewangan berimbangan**

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan nilai bersih aset dan liabiliti tersebut dilaporkan di dalam kunci kira-kira apabila terdapat hak kuatkuasa undang-undang untuk menolak selesai nilai yang telah dikenalpasti dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau mengiktiraf aset dan menyelesaikan liabiliti tersebut pada masa yang sama.

### **(n) Laporan segmen**

Laporan segmen dinyatakan untuk penilaian yang lebih teliti terhadap risiko dan pulangan Kumpulan ini. Segmen perniagaan ialah kumpulan aset dan operasi yang menghasilkan produk dan perkhidmatan tertakluk kepada risiko dan pulangan yang berlainan daripada segmen perniagaan yang lain. Segmen geografi ialah segmen yang menghasilkan produk dan perkhidmatan dalam persekitaran ekonomi tertentu tertakluk kepada risiko dan pulangan yang berlainan daripada komponen lain.

Segmen pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti adalah amaun yang timbul daripada aktiviti kendalian sesuatu segmen secara langsung dan boleh diagihkan berdasarkan satu asas munasabah segmen tersebut. Segmen pendapatan, perbelanjaan, aset dan segmen liabiliti ditentukan sebelum baki dan urus niaga antara kumpulan dihapuskan sebagai sebahagian daripada proses penyatuan, kecuali baki dan urus niaga antara perusahaan kumpulan dalam satu segmen. Penentuan harga antara segmen adalah berdasarkan terma yang sama seperti yang diguna pakai oleh pihak luar.

### **(o) Instrumen kewangan derivatif**

Swap kadar faedah ("IRS") digunakan sebagai alat pelindung nilai untuk menyokong terbitan bon berkadar tetap bagi membiayai pembelian pinjaman gadai janji berkadar terapung. Selain itu, IRS juga digunakan oleh Syarikat ini untuk melindung nilai ekonomi terbitan sekuriti hutangnya. Butiran lanjut mengenai IRS dinyatakan di dalam Nota 37 kepada penyata kewangan.

IRS diiktiraf dalam kunci kira-kira pada tarikh ia diwujudkan dan sebarang perubahan berikutnya dalam nilai saksama akibat daripada turun naik kadar faedah pasaran dinyatakan sebagai aset derivatif (disenangi) atau liabiliti derivatif (tidak disenangi). Kerugian atau hasil daripada perubahan di dalam nilai saksama akan diambil kira di dalam penyata pendapatan.

Pembayaran atau penerimaan bersih secara berkala daripada IRS diambil kira sebagai kerugian atau hasil terealisasi di dalam pendapatan bukan faedah. Kerugian dan hasil daripada pembatalan awal IRS diambil kira di dalam penyata pendapatan.

Kesan pengadaptasian FRS 139 telah dinyatakan di dalam Nota 45(a) dan (c) kepada penyata kewangan.

### **(p) Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Syarikat ini mempunyai kewajipan undang-undang atau konstruktif akibat daripada peristiwa-peristiwa lepas dan apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi faedah-faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan juga anggaran yang boleh dipercayai dapat dibuat ke atas jumlah kewajipan tersebut. Apabila Syarikat ini menjangkakan peruntukan perlu dibayar balik (contohnya di bawah kontrak insurans), pembayaran balik dikira sebagai aset berasingan tetapi setelah pembayaran semula itu dapat dipastikan. Peruntukan tidak diambil kira untuk kerugian kendalian masa hadapan.

Apabila terdapat beberapa kewajipan yang serupa, kebarangkalian sesuatu aliran keluar diperlukan di dalam penyelesaian ditentukan dengan mengambil kira kelas kewajipan secara keseluruhannya. Peruntukan diambil kira walaupun kebarangkalian aliran keluar bagi sesuatu butiran yang termasuk dalam kelas kewajipan yang sama adalah kecil.

## **2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)**

### **(p) Peruntukan (samb.)**

Peruntukan diukur pada nilai semasa jangkaan perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan menggunakan kadar sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko berkaitan dengan sesuatu kewajipan. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh perjalanan masa dikira sebagai perbelanjaan faedah.

### **(q) Zakat**

Ini merupakan pembayaran zakat yang dikenakan ke atas Kumpulan dan Syarikat ini untuk operasi secara Islam yang mematuhi prinsip Syariah. Zakat mewakili zakat perniagaan belum dibayar oleh Kumpulan dan Syarikat ini untuk mematuhi prinsip Syariah dan sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah. Kewajipan berzakat timbul daripada perniagaan secara Islam Syarikat ini dan Syarikat ini tidak membayar zakat bagi pihak para pemegang bon dan syerha. Peruntukan zakat dikira berdasarkan 2.5% daripada kaedah Perlarasan Pertumbuhan Modal.

### **(r) Faedah pekerja**

#### **(i) Faedah jangka pendek pekerja**

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, bonus dan faedah bukan monetari adalah diakru di dalam tempoh pemberian perkhidmatan oleh pekerja Kumpulan dan Syarikat ini.

#### **(ii) Pelan sumbangan nasional**

Kumpulan dan Syarikat ini menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") iaitu pelan sumbangan nasional. Sumbangan kepada KWSP tersebut diambil kira di dalam penyata pendapatan dalam tahun yang berkenaan. Setelah sumbangan itu dibayar, Kumpulan dan Syarikat ini tidak lagi mempunyai kewajipan membuat pembayaran pada masa hadapan.

### **(s) Aset tak ketara**

#### **(i) Perisian komputer**

Lesen perisian komputer yang dimiliki telah dimodalkan berdasarkan kos yang terlibat untuk memperoleh dan membuatkan perisian tersebut boleh digunakan. Kos-kos tersebut dilunaskan sepanjang anggaran tempoh jangka hayat (tiga hingga lima tahun).

Kos-kos untuk membangun atau mengekalkan perisian program komputer diambil kira sebagai perbelanjaan apabila ia berlaku. Kos yang berkaitan terus dengan produk perisian unik yang dikawal oleh Kumpulan ini dan boleh dikenalpasti serta akan menghasilkan faedah ekonomi yang melebihi kos bagi tempoh lebih dari satu tahun, diambil kira sebagai aset tak ketara. Kos tersebut termasuk kos pekerja yang wujud untuk membangunkan perisian dan bahagian overhed berkaitan yang bersesuaian.

Kos membangunkan perisian komputer diambil kira sebagai aset dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh anggaran jangka hayat yang tidak melebihi 3 tahun.

Pengadaptasian FRS 138 telah mengakibatkan perubahan dasar perakaunan untuk perisian komputer yang bukan merupakan bahagian penting bagi perkasaan komputer yang sebelumnya dimasukkan di dalam harta dan peralatan. Berdasarkan FRS 138, perisian komputer yang bukan merupakan bahagian penting bagi perkasaan komputer diklasifikasikan sebagai aset tak ketara.

Perubahan di dalam dasar perakaunan telah digunakan secara prospektif mengikut peruntukan perubahan bagi FRS 138.

Kesan daripada piawaian ini ke atas penyata kewangan disatukan dinyatakan di dalam Nota 45(b) dan (c) kepada penyata kewangan. Tidak ada sebarang kesan ke atas penyata kewangan disatukan atau penyata kewangan Syarikat ini bagi tahun sebelumnya.

## **2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)**

### **(s) Aset tak ketara (samb.)**

#### **(ii) Hak perkhidmatan bagi yuran pentadbiran urus niaga dan pentadbir**

Hak perkhidmatan bagi yuran pentadbiran urus niaga dan pentadbir ("Hak perkhidmatan") merupakan hak terjamin untuk menerima faedah ekonomi pada masa hadapan melalui yuran pentadbiran urus niaga dan pentadbir untuk terbitan RMBS dan IRMBS.

Hak perkhidmatan diambil kira sebagai aset tak ketara pada kos dan dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh RMBS dan IRMBS.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, hak perkhidmatan dinilai setiap tahun untuk memastikan sama ada penjejasan wujud. Ia dibawa pada kos ditolak kerugian penjejasan terkumpul. Sekiranya petunjuk-petunjuk wujud, analisa akan dibuat untuk mentaksir sama ada amaun dibawa aset tersebut boleh pulih sepenuhnya. Penghapusan akan dibuat sekiranya amaun dibawa melebihi amaun boleh pulih.

### **(t) RMBS dan IRMBS**

RMBS dan IRMBS telah diterbitkan untuk membiayai pembelian aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam daripada Kerajaan Malaysia. Pada tarikh kunci kira-kira, RMBS dan IRMBS telah dinyatakan pada nilai nominal.

Perbelanjaan faedah terhadap RMBS dan perbelanjaan yang boleh diagihkan terhadap IRMBS telah diiktiraf pada asas akruan dan telah dikira mengikut kadar faedah dan kadar untung masing-masing.

### **(u) Modal Syer**

#### **(i) Pengklasifikasi**

Syer biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Syer-syer lain diklasifikasikan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti menurut asas ekonomi instrumen tersebut.

Pengagihan kepada para pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai instrumen ekuiti diambil kira secara terus ke ekuiti.

#### **(ii) Dividen kepada para pemegang syer Syarikat ini**

Dividen ke atas syer biasa diambil kira sebagai liabiliti dalam tempoh semasa dividen diisytharkan.

### **(v) Pajakan kendalian**

Pajakan kendalian ialah pajakan aset di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran daripada pemilikan dipegang oleh pemajak. Bayaran pajakan kendalian (bersih selepas ditolak incentif yang diterima daripada pemajak) diambil kira di dalam penyata pendapatan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

### **(w) Pelaporan mata wang**

Penyata kewangan ini dinyatakan di dalam Ringgit Malaysia yang merupakan mata wang fungsian dan penerimaan Syarikat ini.

### **(x) Instrumen kewangan**

Instrumen kewangan ialah kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi perusahaan yang lain.

Aset kewangan ialah sebarang aset yang berbentuk tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada para perusahaan yang lain, hak kontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan perusahaan yang lain di bawah syarat-syarat yang disenangi atau instrumen ekuiti perusahaan yang lain.

## **2 RINGKASAN DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMB.)**

### **(x) Instrumen kewangan (samb.)**

Liabiliti kewangan ialah liabiliti iaitu kewajipan ke atas kontrak untuk memberi tunai atau aset satu perusahaan lain kepada yang lain, atau menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat-syarat yang disenangi.

Kaedah pengenalpastian telah diadaptasi untuk instrumen kewangan selain daripada instrumen kewangan Syarikat ini yang telah dikenal pasti di dalam kunci kira-kira dinyatakan di dalam nota dasar perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap butiran.

#### **(i) Instrumen kewangan yang diambil kira di dalam kunci kira-kira**

Kumpulan dan Syarikat ini tidak menerbitkan instrumen kewangan berganda. Kaedah pengenalpastian telah diadaptasi untuk instrumen kewangan yang telah diambil kira di dalam kunci kira-kira yang didedahkan di dalam nota dasar perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap butiran.

#### **(ii) Instrumen kewangan yang tidak diambil kira di dalam kunci kira-kira**

Kumpulan dan Syarikat ini ialah pihak kepada instrumen kewangan yang merangkumi perjanjian IRS. Instrumen ini tidak diambil kira di dalam penyata kewangan pada tarikh ia diwujudkan. Sebarang perbezaan perlu dibayar atau diterima atas kontrak IRS diambil kira sebagai pendapatan bukan kendalian sepanjang tempoh kontrak berkenaan. Hasil atau kerugian daripada pembatalan awal kontrak IRS atau pembayaran balik pinjaman diambil kira di dalam penyata pendapatan.

#### **(iii) Anggaran nilai saksama untuk tujuan penyataan**

Nilai saksama sekuriti dagangan awam ialah berdasarkan harga pasaran disebut yang dinyatakan pada tarikh kunci kira-kira. Nilai saksama IRS dikira sebagai nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

Kumpulan ini menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian berdasarkan keadaan pasaran pada setiap tarikh kunci kira-kira bagi mentaksir nilai saksama instrumen kewangan yang lain. Harga pasaran disebut atau sebut harga peniaga untuk instrumen tertentu atau serupa digunakan untuk hutang jangka panjang. Teknik lain seperti model penentuan harga opsyen dan anggaran nilai terdiskaun bagi aliran tunai masa hadapan digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan yang selebihnya. Nilai saksama bagi liabiliti kewangan dianggarkan dengan pendiskaunan aliran tunai berkontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa yang tersedia kepada Kumpulan ini untuk instrumen kewangan yang serupa.

Nilai muka aset kewangan (ditolak anggaran pelarasan kredit) dan liabiliti kewangan dengan tempoh matang yang kurang dari satu tahun diandaikan pada nilai saksama masing-masing.

## **3 ANDAIAN DAN ANGGAHAN PERAKAUNAN KRITIS**

Penyediaan penyata kewangan untuk disesuaikan dengan keperluan FRS memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran perakaunan kritis dan membuat pertimbangan semasa menggunakan polisi perakaunan untuk Kumpulan dan Syarikat ini.

Anggaran dan pertimbangan akan dinilai secara berterusan dan berdasarkan kepada pengalaman lampau dan lain-lain faktor, termasuk jangkaan kejadian di masa depan yang dipercayai akan berlaku secara munasabah dalam keadaan tertentu. Secara definisi, anggaran perakaunan akan berlainan daripada keputusan sebenar.

### **3 ANDAIAN DAN ANGGAIAN PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMB.)**

#### **(a) Nilai saksama bagi instrumen kewangan**

##### **(i) Derivatif dan sekutiri pelaburan sedia untuk dijual (“AFS”)**

Anggaran dan andaian dianggap berkemungkinan besar akan mendarangkan impak terhadap kedudukan dan keputusan kewangan Kumpulan dan Syarikat ini yang berkaitan dengan nilai saksama derivatif dan sekutiri pelaburan AFS yang tidak tersenarai di mana model penilaian digunakan. Kumpulan dan Syarikat ini telah membuat pertimbangan untuk memilih teknik penilaian yang sesuai dengan instrumen tersebut. Walau bagaimanapun, perubahan dalam andaian dan faktor pasaran yang digunakan mungkin mendarangkan kesan kepada nilai saksama yang dilaporkan.

##### **(ii) Aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam**

CMBS memperoleh aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam daripada Kerajaan Malaysia pada nilai saksama. Nilai saksama aset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam ini lebih rendah daripada nilai dibawa pada tarikh perolehan. CMBS menambah diskaun dengan menggunakan kaedah kadar hasil efektif, selepas membuat pelarasian terhadap bayaran terdahulu. Anggaran perakaunan berkaitan dengan diskaun tertangguh ialah anggaran perakaunan kritis kerana ia melibatkan pertimbangan dan andaian penting berkenaan pola bayaran terdahulu peminjam bagi pelbagai persekitaran kadar faedah/untung yang tertakluk kepada kadar ketidakpastian yang ketara. CMBS menilai sama ada anggaran kadar bayaran terdahulu yang digunakan dalam pengiraan penambahan perlu diubah berdasarkan kepada perubahan dalam kadar faedah/untung dan jangkaan kadar bayaran terdahulu gadai janji. Kepekaan anggaran bayaran terdahulu terhadap perubahan kadar faedah/untung adalah dinilai semula dan bayaran terdahulu sebenar akan dibandingkan dengan jangkaan bayaran terdahulu.

Sekiranya perubahan diperlukan, kadar hasil efektif malar akan dikira semula dan pendapatan faedah/untung bersih bagi tempoh pelaporan semasa diselaraskan untuk jumlah diskaun yang sepatutnya direkodkan jika kadar hasil efektif baru telah digunakan sejak pembelian asset gadai janji dan aset gadai janji secara Islam.

#### **(b) Penjejasan**

##### **(i) Sekuriti pelaburan AFS**

Kumpulan dan Syarikat ini menetapkan bahawa sekuriti pelaburan AFS dianggap terjejas apabila terdapat kemerosotan berterusan atau ketara dalam nilai saksama berbanding dengan kos asal. Penentuan tentang kemerosotan berterusan atau ketara ini memerlukan pertimbangan. Dalam membuat pertimbangan, Kumpulan dan Syarikat ini menilai beberapa faktor, termasuk kemudahubahan biasa dalam harga pasaran. Di samping itu, penjejasan mungkin sesuai apabila terdapat bukti tentang kemerosotan dalam kedudukan kewangan penerima pelaburan, prestasi industri dan sektor, perubahan dalam teknologi, dan aliran tunai operasi dan pembiayaan.

##### **(ii) Aset tak ketara**

Kumpulan dan Syarikat ini menetapkan bahawa aset tak ketara yang mempunyai nilai boleh guna finit dianggap terjejas sekiranya terdapat sebarang petunjuk yang menunjukkan yang aset berkenaan mungkin terjejas.

Jumlah boleh pulih aset tak ketara yang belum sedia untuk digunakan diukur setiap tahun, tidak kira sama ada terdapat sebarang petunjuk yang menunjukkan yang ia mungkin terjejas. Ini adalah kerana keupayaan aset tak ketara untuk menjana nilai ekonomi masa depan yang mencukupi untuk memulihkan amaun dibawa adalah tertakluk kepada ketidakpastian ketara sebelum aset tersebut sedia untuk digunakan.

Kerugian penjejasan dikira atas sebarang pengurangan yang wujud di antara amaun dibawa dengan amaun boleh pulih.

### **3 ANDAIAN DAN ANGgaran PERAKAUNAN KRITIKAL (SAMB.)**

#### **(c) Entiti tujuan khas dan pensemuritian**

Syarikat ini menubuhkan entiti tujuan khas untuk melaksanakan urusniaga pensemuritian aset. Kumpulan ini tidak menggabungkan entiti tujuan khas yang tidak di bawah kawalan Kumpulan ini. Sesekali adalah sukar untuk menentukan sama ada Kumpulan ini mengawal sebuah entiti tujuan khas. Oleh itu, Kumpulan ini membuat pertimbangan terhadap pendedahannya kepada risiko dan ganjaran, serta keupayaan Kumpulan ini untuk membuat sesuatu keputusan berhubung dengan operasi dan kewangan sesebuah entiti tujuan khas. Dalam pelbagai keadaan, elemen yang wujud jika dinilai secara pemencilan, menunjukkan kawalan atau tiada kawalan terhadap entiti tujuan khas, tetapi apabila dinilai bersama, sukar untuk membuat keputusan yang jelas. Apabila membuat penaksiran sama ada Kumpulan ini perlu menggabungkan sebuah entiti tujuan khas, Kumpulan ini menilai beberapa faktor, termasuk sama ada (a) Kumpulan ini akan mendapat manfaat majoriti daripada aktiviti perniagaan sebuah entiti tujuan khas, (b) Kumpulan ini memperolehi majoriti baki risiko pemilikan berkaitan dengan aset untuk mendapat manfaat daripada aktiviti entiti tujuan khas, (c) Kumpulan ini mempunyai kuasa untuk membuat keputusan untuk mendapatkan majoriti dari manfaat, atau (d) aktiviti perniagaan entiti tujuan khas diuruskan bagi pihak Kumpulan ini berdasarkan kepada keperluan spesifik perniagaan Kumpulan ini supaya Kumpulan ini mendapat manfaat daripada operasi entiti tujuan khas berkenaan. Kumpulan ini menggabungkan sebuah entiti tujuan khas sekiranya taksiran faktor-faktor yang berkaitan menunjukkan bahawa Kumpulan ini mendapat majoriti manfaat atau risiko daripada aktiviti entiti tujuan khas tersebut.

#### **(d) Yuran bonus budi bicara**

Yuran bonus budi bicara yang akan dibayar kepada Kerajaan Malaysia ditentukan oleh CMBS dengan merujuk kepada garis panduan, kriteria dan petunjuk prestasi yang dianggap bersesuaian oleh CMBS. Ini adalah berdasarkan kepada prestasi Kerajaan Malaysia dalam melaksanakan tanggungjawab penyelenggaraannya sehingga RMBS/IRMBS ditebus sepenuhnya dan segala tanggungan serta liabiliti CMBS yang berkaitan dengan RMBS/IRMBS berkenaan telah dilupuskan.

### **4 TUJUAN DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO**

Tujuan utama Syarikat ini dalam pengurusan risiko adalah untuk mengurus serta mengaitkan risiko dengan ganjarannya secara berkesan. Ini adalah untuk memaksimumkan nilai para pemegang syarikat di samping memastikan Syarikat ini dapat mengekalkan prestasinya.

Sepanjang tahun ini, Syarikat ini telah memperkemaskan polisi pengurusan had kredit, menyelaraskan penetapan had melalui penarafan risiko dan menghadkan pendedahan kredit kepada pihak bertimbang mengikut kumpulan.

Syarikat ini akan terus membangunkan sumber insan, mengkaji semula proses yang sedia ada dan memperkenalkan pendekatan baru yang selaras dengan amalan pengurusan risiko yang terbaik. Matlamat Syarikat ini ialah untuk mewujudkan kesedaran risiko yang tinggi di kalangan kakitangan barisan hadapan dan belakang supaya mereka mengurus risiko secara sistematis dan mengambil risiko pada tahap yang sejajar dengan selera terhadap risiko dan kehendak risiko-ganjaran yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

#### **Struktur Pengurusan Risiko**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan terdapatnya pengawasan yang sewajarnya ke atas pengurusan risiko dalam Syarikat ini. Lembaga Pengarah menetapkan selera terhadap risiko dan paras toleransi yang bersesuaian dengan keseluruhan objektif perniagaan dan profil risiko yang dikehendaki Syarikat. Lembaga Pengarah juga sering menyemak dan meluluskan kesemua dasar polisi pengurusan risiko dan pendedahan terhadap risiko yang ketara.

Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah untuk memastikan terdapatnya pengawasan dan pembangunan yang berkesan bagi strategi, dasar, tatacara dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Syarikat ini.

Pihak Pengurusan Kanan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan terdapatnya tatacara operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi dan berkesan untuk menaksir, mengukur, mengawal, mengawasi dan melaporkan risiko.

## **4 TUJUAN DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)**

Ketua Pegawai Risiko melapor secara bebas kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan membantu Jawatankuasa tersebut dalam membangunkan strategi dan dasar di samping memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem disediakan untuk pengurusan risiko yang berkesan.

Unit Pengurusan Risiko ini bebas daripada jabatan dan unit lain yang terlibat dengan kegiatan pengambilan risiko. Ia bertanggungjawab untuk melaporkan secara bebas tentang pendedahan risiko dan menyelaraskan pengurusan risiko Syarikat ini secara menyeluruh.

### **Risiko Yang Dihadapi oleh Syarikat ini**

Operasi Syarikat ini boleh dibahagikan kepada perniagaan pembelian dengan rekursa dan pembelian tanpa rekursa.

#### **Belian Dengan Rekursa**

Untuk pembelian dengan rekursa, Syarikat ini berhadapan dengan risiko-risiko berikut:

- (a) Risiko kredit;
- (b) Risiko pasaran;
- (c) Risiko kecairan; dan
- (d) Risiko operasi.

##### **(a) Risiko kredit**

Risiko kredit ialah kebarangkalian seseorang pelanggan atau rakan niaga gagal memenuhi kewajipan kewangannya apabila tiba masanya. Risiko kredit timbul dalam bentuk dalam kunci kira-kira seperti pinjaman dan pelaburan, dan dalam bentuk luar kunci kira-kira seperti jaminan dan aktiviti perlindungan nilai perbandaraan.

Syarikat ini menguruskan risiko kreditnya dengan menapis para pelanggan dan rakan niaga, menetapkan kriteria kelayakan yang berhemat dan menjalankan penafsiran nilai ke atas pinjaman yang akan dibeli. Syarikat ini mempunyai sistem penarafan dalaman yang menentukan had kredit maksimum yang dibenarkan untuk setiap kategori penarafan. Had kredit ini dikaji semula secara berkala dan ditentukan berdasarkan kombinasi penarafan luar, penilaian kredit dalaman dan keperluan perniagaan. Kesemua pendedahan kredit dipantau secara kerap dan sebarang ketakpatuhan akan dilaporkan secara bebas kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah untuk pemulihan segera.

##### **(b) Risiko Pasaran**

Risiko pasaran adalah potensi kerugian yang timbul akibat pergerakan bertentangan harga pasaran dan kadar. Pendedahan Syarikat ini terhadap risiko pasaran hanya terhad kepada risiko kadar faedah memandangkan Syarikat ini tidak terlibat dalam sebarang aktiviti ekuiti, tukaran wang asing atau perdagangan komoditi.

Syarikat ini mengawal risiko pasarnya dengan mengenakan had ambang. Had ini ditetapkan berdasarkan selera Syarikat ini terhadap risiko Syarikat dan hubungan risiko-ganjaran, dan dikaji semula dan diawasi secara kerap. Bagi mengawal risiko kadar faedah, Syarikat ini mempunyai Sistem Pengurusan Aset dan Liabiliti yang menyediakan alatan seperti analisis jurang durasi, analisis kepekaan faedah dan simulasi pendapatan dalam pelbagai senario.

Syarikat ini juga menggunakan instrumen derivatif seperti swap kadar faedah untuk mengurus dan melindungi nilai pendedahan risiko pasarnya terhadap ketaktentuan kadar faedah.

##### **(c) Risiko kecairan**

Risiko kecairan timbul apabila Syarikat ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila ia matang.

Syarikat ini mengurangkan risiko kecairannya dengan memadankan masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan sekuriti hutang. Syarikat ini merancang aliran tunainya dan mengawasi dengan teliti setiap urus niaga perniagaan bagi memastikan terdapatnya dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada sepanjang masa. Di samping itu, Syarikat ini juga memperuntukkan rizab kecairan yang berpatut bagi menghadapi kurangan aliran tunai yang di luar jangkaan atau keadaan ekonomi yang bertentangan dalam pasaran kewangan.

## 4 TUJUAN DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO (SAMB.)

### (d) Risiko Operasi

Risiko operasi ialah risiko kerugian yang timbul akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau daripada peristiwa-peristiwa luaran.

Syarikat ini telah menubuh dan mengekalkan kawalan dalaman yang menyeluruh yang tertakluk kepada kekerapan audit dan kajian semula oleh juruaudit dalaman dan juga luar. Syarikat ini telah menyediakan Pelan Kesinambungan Perniagaan yang mantap untuk meminimumkan kesan akibat sebarang bencana dan mengurangkan masa pemulihan operasi. Syarikat ini juga kerap menjalankan ujian ke atas sistem dan prosesnya yang kritikal.

Syarikat ini telah meningkatkan sistem infrastrukturnya untuk mempertingkatkan kecekapan, keupayaan pemprosesan dan pelaporan, dan untuk meminimumkan kebarangkalian berlakunya kesilapan yang disebabkan oleh proses manual. Sistem tersebut mempunyai binaan kawalan dalaman dan pengesahan dalaman yang membolehkan Syarikat ini mengekal dan mengawasi had, dan menerima amaran sekiranya berlaku pelanggaran had.

#### Pembelian Tanpa Rekursa

Dari segi perniagaan pensemuritian atau pembelian tanpa rekursa, hak pemegang bon dihadkan kepada sekumpulan asset tertentu dan tidak terdapat sebarang rekursa terhadap kumpulan asset lain, atau terhadap CMBS atau Syarikat ini.

Sebagai Pentadbir Urus Niaga dan Pentadbir, Syarikat ini mentadbir dan merekodkan segala penerimaan dan pembayaran dan menjalankan penyesuaian seperti yang dikehendaki. Sementara menunggu pembayaran kupon bon dan penebusan pokok, Syarikat ini akan melabur semula dana yang sedia ada seperti yang ditentukan oleh Surat Ikatan Amanah. Syarikat ini akan menyerahkan penyata aliran tunai dan penyata tunai dan pelaburan untuk setiap kumpulan kepada pemegang amanah secara berkala.

## 5 TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Tunai dan baki di bank dan institusi kewangan yang lain	137	441	98	378
Wang panggilan dan deposit matang dalam tempoh sebulan	942,705	1,167,400	653,000	808,810
Wang panggilan Mudharabah dan deposit matang dalam tempoh sebulan	583,570	622,750	583,570	587,880
	<b>1,526,412</b>	<b>1,790,591</b>	<b>1,236,668</b>	<b>1,397,068</b>

## 6 DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

Bank berlesen	682,100	-	200,000	-
---------------	---------	---	---------	---

## 7 SEKURITI PELABURAN SEDIA UNTUK DIJUAL

Pada nilai saksama:				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	230,497	-	230,497
Bon Khazanah	201,014	193,989	201,014	193,989
Sekuriti hutang swasta	104,471	15,399	10,007	15,399
Sekuriti hutang secara Islam	184,959	202,320	184,959	202,320
	<b>490,444</b>	<b>642,205</b>	<b>395,980</b>	<b>642,205</b>

Struktur kematangan sekuriti pelaburan sedia untuk dijual adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	304,201	146,298	209,737	146,298
Setahun hingga tiga tahun	186,243	121,098	186,243	121,098
Tiga tahun hingga lima tahun	-	174,789	-	174,789
Lebih daripada lima tahun	-	200,020	-	200,020
	<b>490,444</b>	<b>642,205</b>	<b>395,980</b>	<b>642,205</b>

Sekuriti pelaburan yang dinyatakan pada tahun sebelumnya telah diklasifikasikan kepada sekuriti pelaburan sedia untuk dijual bagi mematuhi klasifikasi tahun semasa.

## 8 JUMLAH TERHUTANG DARI RAKAN NIAGA

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Berkaitan dengan:				
Pinjaman gadai janji	8,671,122	11,442,712	8,671,122	11,442,712
Hutang sewa beli dan pemajakan	7,217,422	9,735,125	7,217,422	9,735,125
	<u>15,888,544</u>	<u>21,177,837</u>	<u>15,888,544</u>	<u>21,177,837</u>

Struktur kematangan jumlah ter hutang dari rakan niaga adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	6,819,785	6,570,844	6,819,785	6,570,844
Setahun hingga tiga tahun	6,329,438	10,806,877	6,329,438	10,806,877
Tiga tahun hingga lima tahun	2,472,224	2,775,023	2,472,224	2,775,023
Lebih daripada lima tahun	267,097	1,025,093	267,097	1,025,093
	<u>15,888,544</u>	<u>21,177,837</u>	<u>15,888,544</u>	<u>21,177,837</u>

## 9 ASET GADAI JANJI

Aset gadai janji:				
Portfolio 2004-1	1,088,631	1,258,706	-	-
Portfolio 2005-2	2,031,810	2,089,560	-	-
	<u>3,120,441</u>	<u>3,348,266</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

Struktur kematangan aset gadai janji adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	283,242	268,580	-	-
Setahun hingga tiga tahun	520,508	574,795	-	-
Tiga tahun hingga lima tahun	501,286	509,600	-	-
Lebih daripada lima tahun	2,818,713	3,108,472	-	-
	<u>3,120,441</u>	<u>3,348,266</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

## 10 ASET GADAI JANJI SECARA ISLAM

Aset gadai janji secara Islam:				
Portfolio 2005-1	2,050,388	2,080,171	-	-

Struktur kematangan aset gadai janji secara Islam adalah seperti berikut:

Matang dalam tempoh setahun	104,196	100,198	-	-
Setahun hingga tiga tahun	211,078	212,434	-	-
Tiga tahun hingga lima tahun	235,985	228,813	-	-
Lebih daripada lima tahun	2,143,777	2,275,637	-	-
	<u>2,695,036</u>	<u>2,817,082</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Tolak: Diskaun belum tambah	(644,648)	(736,911)	-	-
	<u>2,050,388</u>	<u>2,080,171</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

## 11 HUTANG PEMBIAYAAN SECARA ISLAM

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Hutang pembiayaan perumahan secara Islam	609,422	654,577	609,422	654,577
Hutang sewa beli secara Islam	4,646,227	2,027,569	4,646,227	2,027,569
	<u>5,255,649</u>	<u>2,682,146</u>	<u>5,255,649</u>	<u>2,682,146</u>
Struktur kematangan hutang pembiayaan secara Islam adalah seperti berikut:				
Matang dalam tempoh setahun	3,755,599	1,155,813	3,755,599	1,155,813
Setahun hingga tiga tahun	1,251,524	1,123,186	1,251,524	1,123,186
Tiga tahun hingga lima tahun	248,526	403,147	248,526	403,147
	<u>5,255,649</u>	<u>2,682,146</u>	<u>5,255,649</u>	<u>2,682,146</u>

## 12 ASET-ASET LAIN

Faedah terakru belum terima	145,595	157,224	22,988	32,301
Pembelian balik aset-aset gadai janji	66,271	75,751	-	-
Pinjaman dan pembiayaan kakitangan	3,789	2,704	3,789	2,704
Deposit	207	203	207	203
Bayaran terdahulu	403	360	403	360
Pendapatan belum terima	54,867	56,720	-	-
Lain-lain belum terima	10,459	7,031	10,459	7,030
	<u>281,591</u>	<u>299,993</u>	<u>37,846</u>	<u>42,598</u>

## 13 HARTA DAN PERALATAN

### Kumpulan dan Syarikat

2006	Peralatan Pejabat RM'000	Peralatan dan Kelengkapan RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Kerja Dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>					
Pada 1 Januari 2006	2,882	713	968	-	4,563
Pertambahan	332	132	445	51	960
Pelupusan	(599)	(9)	(392)	-	(1,000)
Pada 31 Disember 2006	<u>2,615</u>	<u>836</u>	<u>1,021</u>	<u>51</u>	<u>4,523</u>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
Pada 1 Januari 2006	(1,860)	(375)	(726)	-	(2,961)
Dicaj pada tahun semasa	(329)	(66)	(132)	-	(527)
Pelupusan	599	9	323	-	931
Pada 31 Disember 2006	<u>(1,590)</u>	<u>(432)</u>	<u>(535)</u>	<u>-</u>	<u>(2,557)</u>
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2006	<u>1,025</u>	<u>404</u>	<u>486</u>	<u>51</u>	<u>1,966</u>

## 13 HARTA DAN PERALATAN (SAMB.)

### Kumpulan dan Syarikat

2005	Peralatan Pejabat RM'000	Perabot dan Kelengkapan RM'000	Kenderaan Bermotor RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>				
Pada 1 Januari 2005	10,041	631	968	11,640
Pertambahan	875	82	-	957
Pelupusan	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2005	10,916	713	968	12,597
Kesan pengadaptasian FRS 138	(8,034)	-	-	(8,034)
Dinyatakan semula pada 31 Disember 2005	2,882	713	968	4,563
<b>Susut nilai terkumpul</b>				
Pada 1 Januari 2005	(3,766)	(322)	(569)	(4,657)
Dicaj pada tahun semasa	(1,529)	(53)	(157)	(1,739)
Pelupusan	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2005	(5,295)	(375)	(726)	(6,396)
Kesan pengadaptasian FRS 138	3,435	-	-	3,435
Dinyatakan semula pada 31 Disember 2005	(1,860)	(375)	(726)	(2,961)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2005	1,022	338	242	1,602

## 14 ASET TAK KETARA

### Kumpulan dan Syarikat

2006	Hak Perkhidmatan RM'000	Perisian Komputer RM'000	Lesen RM'000	Perisian Komputer Yang Sedang Dibangunkan RM'000	Jumlah RM'000
<b>Kos</b>					
Pada 1 Januari 2006	10,368	5,822	58	297	16,545
Pertambahan	3,418	79	82	338	3,917
Pelupusan	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2006	13,786	5,901	140	635	20,462
<b>Pelunasan terkumpul</b>					
Pada 1 Januari 2006	(882)	(1,676)	(30)	-	(2,588)
Dicaj pada tahun semasa	(921)	(1,135)	(14)	-	(2,070)
Pelupusan	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember 2006	(1,803)	(2,811)	(44)	-	(4,658)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2006	11,983	3,090	96	635	15,804

## 14 ASET TAK KETARA (SAMB.)

### Kumpulan dan Syarikat

	Hak Perkhidmatan RM'000	Perisian Komputer RM'000	Lesen RM'000	Perisian Komputer Yang Sedang Dibangunkan RM'000	Jumlah RM'000
<b>2005</b>					
<b>Kos</b>					
Pada 1 Januari 2005	6,245	–	–	–	6,245
Pertambahan	4,123	–	–	–	4,123
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2005	10,368	–	–	–	10,368
Kesan pengadaptasian FRS 138	–	5,822	58	297	6,177
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Dinyatakan semula pada 31 Disember 2005	10,368	5,822	58	297	16,545
<b>Pelunasan terkumpul</b>					
Pada 1 Januari 2005	(124)	–	–	–	(124)
Dicaj pada tahun semasa	(758)	–	–	–	(758)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Disember 2005	(882)	–	–	–	(882)
Kesan pengadaptasian FRS 138	–	(1,676)	(30)	–	(1,706)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Dinyatakan semula pada 31 Disember 2005	(882)	(1,676)	(30)	–	(2,588)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2005	9,486	4,146	28	297	13,957
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Kos ke atas penerbitan RMBS dan IRMBS dilunaskan menurut kaedah garis lurus sepanjang tempoh penerbitan RMBS/IRMBS tersebut. Baki ke atas tempoh pelunasan aset tersebut adalah dalam lingkungan 8-19 tahun. (2005: 9-20 tahun)

## 15 BON DAN NOTA PEMBAWA TIDAK BERCAGAR

### Kumpulan dan Syarikat

	Tahun Matang	Jumlah Belum Tebus RM'000	2006	Kadar Berkesan %	2005	Kadar Berkesan %
<b>(a) Bond berkadar tetap</b>	2006	–	–	–	10,102,000	3.060 – 3.928
	2007	5,580,000	3.253 - 4.351	–	5,580,000	3.253 – 4.351
	2008	5,460,000	3.114 - 4.680	–	4,315,000	3.122 – 4.114
	2009	1,630,000	3.870 - 4.900	–	710,000	3.870 – 4.080
	2010	1,325,000	4.220 - 4.795	–	–	–
	2011	480,000	3.912 - 4.350	–	220,000	3.912
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Campur: Premium belum tambah		14,475,000			20,927,000	
Tolak: Diskaun belum lunas		373			3,008	
		(13,003)			(25,508)	
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
		14,462,370			20,904,500	
<b>(b) Nota jangka-pendek</b>	2007	780,000	–	–	–	–
Tolak: Diskaun belum lunas		(13,601)				
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
		766,399			–	–
Bon dana pembawa tidak bercagar		15,228,769			20,904,500	
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

## 15 BON DAN NOTA PEMBAWA TIDAK BERCAGAR (SAMB.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Struktur kematangan bon dan nota hutang pembawa tidak bercagar adalah seperti berikut:				
Matang dalam tempoh setahun	6,346,596	10,097,413	6,346,596	10,097,413
Setahun hingga tiga tahun	7,078,536	9,879,837	7,078,536	9,879,837
Tiga tahun hingga lima tahun	1,803,637	707,252	1,803,637	707,252
Lebih daripada lima tahun	–	219,998	–	219,998
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	15,228,769	20,904,500	15,228,769	20,904,500

### (a) Bon berkadar tetap

Bon kadar tetap boleh ditebus pada nilai tara pada tarikh-tarikh pembayaran balik, melainkan jika ia telah ditebus sebelumnya, bersama-sama dengan faedah terakru (jika ada).

### (b) Nota jangka-pendek

Bon kadar tetap boleh ditebus pada nilai tara pada tarikh-tarikh pembayaran balik, melainkan jika ia telah ditebus sebelumnya, bersama-sama dengan faedah terakru (jika ada).

## 16 BON SECARA ISLAM

### Kumpulan dan Syarikat

	Tahun Matang	Jumlah Belum Tebus RM'000	2006		2005	
			Kadar	Untung	Berkesan	%
(a) Sanadat Mudharabah Cagamas	2006	–	–	–	200,000	
	2007	560,000	–	–	560,000	
	2008	120,000	–	–	120,000	
	2009	50,000	–	–	50,000	
		<hr/>	730,000		<hr/>	930,000
(b) Sanadat Cagamas						
(i) Bon Premier	2006	–	–	–	600,000	3.150 – 3.250
	2007	700,000	3.509	3.650	700,000	3.509 – 3.650
	2009	300,000		4.225	300,000	4.225
		<hr/>	1,000,000		<hr/>	1,600,000
(ii) Bon sekunder	2006	–	–	–	56,902	
	2007	37,802	–	–	37,802	
	2008	12,675	–	–	12,675	
	2009	12,675	–	–	12,675	
		<hr/>	1,063,152		<hr/>	1,720,054
Tolak: Perbelanjaan tertunda belum lunas		(4)			(101,687)	
Tolak: Keuntungan belum bayar dan belum lunas		(51,028)			(6)	
Tolak: Keuntungan belum bayar		1,012,120			1,618,361	

## 16 BON SECARA ISLAM (SAMB.)

### Kumpulan dan Syarikat

			2006		2005				
	Tahun	Jumlah	Belum	Kadar	Untung	Jumlah	Belum	Kadar	Untung
		Matang	Tebus	%	Berkesan	RM'000	Tebus	%	Berkesan
<b>(c) Sekuriti Islam Bithaman Ajil</b>									
(i) Bon Premier	2007	1,325,000	3.200 – 3.530		845,000		3.200 – 3.300		
	2008	1,155,000	3.350 – 4.000		55,000		3.350 – 4.000		
	2009	1,020,000	3.900 – 4.100		–		–		
	2010	700,000	4.000 – 4.220		–		–		
	2011	200,000	4.160 – 4.160		–		–		
			4,400,000			900,000			
(ii) Bon sekunder	2006	–			–	29,777		–	
	2007	165,204			–	24,173		–	
	2008	109,346			–	959		–	
	2009	70,928			–	–		–	
	2010	22,870			–	–		–	
	2008	4,160			–	–		–	
			4,772,508			954,909			
Tolak: Perbelanjaan tertunda belum lunas		(313,949)				(48,234)			
			4,458,559			906,675			
Bon secara Islam			6,200,679			3,455,036			

	Kumpulan	Syarikat		
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Struktur kematangan bon dan nota hutang pembawa tidak bercagar adalah seperti berikut:				
Matang dalam tempoh setahun	2,606,050	806,244	2,606,050	806,244
Setahun hingga tiga tahun	2,680,204	2,294,079	2,680,204	2,294,079
Tiga tahun hingga lima tahun	914,425	354,713	914,425	354,713
	<u>6,200,679</u>	<u>3,455,036</u>	<u>6,200,679</u>	<u>3,455,036</u>

### (a) Sanadat Mudharabah Cagamas

Sanadat Mudharabah Cagamas diterbitkan berdasarkan perkongsian untung dan boleh ditebus pada nilai tara pada tarikh matang, melainkan jika berlaku penghausan nilai pokok.

### (b) Sanadat Cagamas

Sanadat Cagamas diterbitkan di bawah prinsip Bai' Bithaman Ajil dengan bon sekunder tak boleh cerai. Bon ini boleh ditebus pada tarikh matang.

### (c) Sekuriti Islam Bithaman Ajil

Sekuriti Islam Bithaman Ajil diterbitkan di bawah prinsip Bai' Bithaman Ajil dengan bon sekunder tak boleh cerai. Bon ini boleh ditebus pada tarikh matang.

## 17 SEKURITI BERSANDARKAN GADAI JANJI KEDIAMAN

### Kumpulan

	Tahun Matang	Jumlah Belum Tebus RM'000	2006		2005	
			Kadar Berkesan %	Jumlah Belum Tebus RM'000	Kadar Berkesan %	
RMBS	2007	580,000	3.700	580,000	3.700	
	2008	225,000	4.100	225,000	4.100	
	2009	340,000	4.300	340,000	4.300	
	2010	250,000	4.440	250,000	4.440	
	2011	290,000	4.950	290,000	4.950	
	2012	270,000	4.710	270,000	4.710	
	2014	345,000	5.500	345,000	5.500	
	2015	320,000	5.100	320,000	5.100	
	2017	345,000	5.340	345,000	5.340	
	2020	385,000	5.650	385,000	5.650	
	2025	265,000	5.920	265,000	5.920	
		<u>3,615,000</u>		<u>3,615,000</u>		

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000

Struktur kematangan IRMBS adalah seperti berikut:

Setahun hingga tiga tahun	1,145,000	805,000	-	-
Tiga tahun hingga lima tahun	540,000	590,000	-	-
Lebih daripada lima tahun	1,930,000	2,220,000	-	-
	<u>3,615,000</u>	<u>3,615,000</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

RMBS mempunyai ciri-ciri berikut:

- (a) Anak syarikat mempunyai pilihan untuk menebus balik sebahagian RMBS tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat untuk setiap urusniaga.
- (b) Kadar kupon RMBS dibayar secara tertunggak pada setiap suku tahun.
- (c) RMBS dibentuk oleh Surat Ikatan Amanah di antara anak syarikat dan pemegang Amanah, yang bertindak menjaga kepentingan para pemegang bon.
- (d) RMBS merangkumi kewajipan secara langsung, tidak terbatas, bukan subordinat dan bercagar terhadap anak syarikat dan ianya bertaraf pari passu tanpa diskriminasi, kesesuaian atau keutamaan sesama mereka, tetapi tertakluk kepada keutamaan pembayaran mengikut peruntukan undang-undang dan Dokumen Terbitan.
- (e) RMBS telah diterbitkan berdasarkan rekursa yang terhad. Para pemegang RMBS diberi rekursa terhad kepada aset gadai janji tersebut, pungutan berkaitan dan wang terkumpul daripada penguatkuasaan terhadap sekuriti berkaitan aset gadai janji tersebut.

## 18 SEKURITI BERSANDARKAN GADAI JANJI KEDIAMAN SECARA ISLAM

### Kumpulan

	Tahun Matang	2006		2005	
		Jumlah Belum Tebus RM'000	Kadar Berkesan %	Jumlah Belum Tebus RM'000	Kadar Berkesan %
IRMBS	2008	250,000	3.410	250,000	3.410
	2010	215,000	3.840	215,000	3.840
	2012	260,000	4.240	260,000	4.240
	2015	515,000	4.710	515,000	4.710
	2017	410,000	5.010	410,000	5.010
	2020	400,000	5.270	400,000	5.270
		<u>2,050,000</u>		<u>2,050,000</u>	

Kumpulan	Syarikat		
2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000

Struktur kematangan IRMBS adalah seperti berikut:

Setahun hingga tiga tahun	250,000	250,000	-	-
Tiga tahun hingga lima tahun	215,000	215,000	-	-
Lebih daripada lima tahun	1,585,000	1,585,000	-	-
	<u>2,050,000</u>	<u>2,050,000</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

IRMBS mempunyai ciri-ciri berikut:

- (a) Anak syarikat mempunyai pilihan untuk menebus balik sebahagian IRMBS tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat untuk setiap urusniaga.
- (b) Kadar untung IRMBS dibayar secara tertunggak pada setiap suku tahun.
- (c) IRMBS dibentuk oleh Surat Ikatan Amanah di antara anak syarikat dan pemegang Amanah, yang bertindak menjaga kepentingan para pemegang bon.
- (d) IRMBS merangkumi kewajipan secara langsung, tidak terbatas, bukan subordinat dan bercagar terhadap anak syarikat dan ianya bertaraf pari passu tanpa diskriminasi, kesesuaian atau keutamaan sesama mereka, tetapi tertakluk kepada keutamaan pembayaran mengikut peruntukan undang-undang dan Dokumen Terbitan.
- (e) IRMBS telah diterbitkan berdasarkan rekursa yang terhad. Para pemegang IRMBS diberi rekursa terhad kepada aset gadai janji tersebut, pungutan berkaitan dan wang terkumpul daripada penguatkuasaan terhadap sekuriti berkaitan aset gadai janji tersebut.

## 19 CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak kuat kuasa undang-undang untuk menolak selesai aset cukai semasa daripada liabiliti cukai semasa dan sekiranya cukai tertunda tersebut mempunyai kaitan dengan penguasa cukai yang sama. Selepas diimbangi dengan sewajarnya, jumlah yang ditunjukkan di dalam kunci kira kira adalah seperti berikut:

	Kumpulan	Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000
	Aset cukai tertunda (sebelum diimbangi)	Liabiliti cukai tertunda selepas diimbangi	Liabiliti cukai tertunda (sebelum diimbangi)
Liabiliti cukai tertunda (sebelum diimbangi)	136,965	82,453	24,453
Aset cukai tertunda (sebelum diimbangi)	(376)	(1,569)	(376)
<b>Liabiliti cukai tertunda selepas diimbangi</b>	<b>136,589</b>	<b>81,050</b>	<b>24,077</b>

Pergerakan cukai tertunda sepanjang tahun adalah seperti berikut:

Baki pada awal tahun	81,050	27,476	16,642	13,743
Diambil kira di dalam penyata pendapatan	51,580	53,574	3,472	2,899
Didebitkan ke rizab	3,959	-	3,963	-
<b>Baki pada akhir tahun</b>	<b>136,589</b>	<b>81,050</b>	<b>24,077</b>	<b>16,642</b>

### Kumpulan

2006

Baki pada 1.1.2006 RM'000	Didebitkan/ (dikreditkan) ke Penyata Pendapatan RM'000	Didebitkan ke Rizab RM'000	Baki pada 1.1.2006 RM'000
---------------------------------	--	----------------------------------	---------------------------------

### Liabiliti cukai tertunda

Lebihan eluan modal daripada susustnilai harta dan kelengkapan	1,646	(190)	-	1,456
Perbezaan sementara berkaitan dengan pertambahan diskauun sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	80,973	49,910	-	130,883
Untung/rugi belum direalisasi atas penilaian semula sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	-	228	3,959	4,187
Untung belum direalisasi atas penilaian semula swap kadar faedah	-	439	-	439
	<b>82,619</b>	<b>50,387</b>	<b>3,959</b>	<b>136,965</b>

### Aset cukai tertunda

Perbezaan sementara berkaitan dengan pelunasan premium sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	1,569	(1,272)	-	297
Rugi belum direalisasikan ke atas penilaian semula swap kadar faedah	-	79	-	79
	<b>1,569</b>	<b>1,193</b>	<b>-</b>	<b>376</b>

## 19 CUKAI TERTUNDA (SAMB.)

Kumpulan	Baki pada 1.1.2005 RM'000	Didebitkan ke Penyata Pendapatan RM'000	Didebitkan ke Rizab RM'000	Baki pada 1.1.2005 RM'000
2005				
<b>Liabiliti cukai tertunda</b>				
Lebihan elauan modal daripada susustnilai harta dan kelengkapan	1,589	57	–	1,646
Perbezaan sementara berkaitan dengan pertambahan diskaun sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	27,244	53,729	–	80,973
	<b>28,833</b>	<b>53,786</b>	<b>–</b>	<b>82,619</b>
<b>Aset cukai tertunda</b>				
Perbezaan sementara berkaitan dengan pelunasan premium sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	1,357	212	–	1,569
	<b>1,357</b>	<b>212</b>	<b>–</b>	<b>1,569</b>
<b>Syarikat</b>				
2006				
<b>Liabiliti cukai tertunda</b>				
Lebihan elauan modal daripada susustnilai harta dan kelengkapan	1,646	(190)	–	1,456
Perbezaan sementara berkaitan dengan pertambahan diskaun sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	16,565	2,030	–	18,595
Untung/rugi belum direalisasi atas penilaian semula sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	–	–	3,963	3,963
Untung belum direalisasi atas penilaian semula swap kadar faedah	–	439	–	439
	<b>18,211</b>	<b>2,279</b>	<b>3,963</b>	<b>24,453</b>
<b>Aset cukai tertunda</b>				
Perbezaan sementara berkaitan dengan pelunasan premium sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	1,569	(1,272)	–	297
Rugi belum direalisasikan ke atas penilaian semula swap kadar faedah	–	79	–	79
	<b>1,569</b>	<b>(1,193)</b>	<b>–</b>	<b>376</b>

## 19 CUKAI TERTUNDA (SAMB.)

Syarikat	Baki pada 1.1.2005 RM'000	Didebitkan ke Penyata Pendapatan RM'000	Didebitkan ke Rizab RM'000	Baki pada 1.1.2005 RM'000
2005				
<b>Liabiliti cukai tertunda</b>				
Lebihan eluan modal daripada susustnilai harta dan kelengkapan	1,589	57	-	1,646
Perbezaan sementara berkaitan dengan pertambahan diskaun sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	13,511	3,054	-	16,565
	<b>15,100</b>	<b>3,111</b>	<b>-</b>	<b>18,211</b>
<b>Aset cukai tertunda</b>				
Perbezaan sementara berkaitan dengan pelunasan premium sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	1,357	212	-	1,569
	<b>1,357</b>	<b>212</b>	<b>-</b>	<b>1,569</b>

## 20 LIABILITI-LIABILITI LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Zakat	1,240	1,200	1,240	1,200
Pendapatan yang boleh diagihkan kepada pemegang bon	6,008	7,751	6,008	7,751
Faerah terakru ke atas:				
Bon pembawa tidak bercagar	135,098	201,389	135,098	201,389
Swap kadar faerah	679	533	679	533
RMBS	19,169	19,169	-	-
Untungan belum bayar:				
IRMBS	13,603	13,604	-	-
Lain-lain belum bayar	10,464	30,550	8,067	4,058
	<b>186,261</b>	<b>274,196</b>	<b>151,092</b>	<b>214,931</b>

## 21 MODAL SYER

Syer biasa RM1 setiap satu:

Dibenarkan:

Baki pada awal dan akhir tahun kewangan	500,000	500,000	500,000	500,000
	<b>500,000</b>	<b>500,000</b>	<b>500,000</b>	<b>500,000</b>

Diterbitkan dan berbayar sepenuhnya:

Baki pada awal dan akhir tahun kewangan	150,000	150,000	150,000	150,000
	<b>150,000</b>	<b>150,000</b>	<b>150,000</b>	<b>150,000</b>

## 22 RIZAB BOLEH DIAGIHKAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Perolehan tertahan	1,271,656	1,194,586	1,271,656	1,194,586
Lain-lain rizab (Nota 44)	467,517	289,888	—	—
Nilai saksama rizab	11,267	20,702	11,276	20,702
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	1,750,440	1,505,176	1,282,932	1,215,288

Syarikat ini mempunyai kredit cukai yang mencukupi di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 untuk membayar dividen daripada kesemua perolehan tertahan pada 31 Disember 2006. Syarikat ini juga mempunyai pendapatan yang dikecualikan cukai di bawah Seksyen 12 Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 1999 yang boleh dibayar sebagai dividen dikecualikan cukai.

## 23 PENDAPATAN FAEDAH

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pendapatan faedah daripada:				
Jumlah ter hutang dari rakan niaga berkaitan dengan:				
Pinjaman gadai janji	435,538	523,912	435,538	523,912
Hutang sewa beli dan pemajakan	355,380	418,937	355,380	418,937
Aset-aset gadai janji	171,730	153,450	—	—
Pembelian balik aset-aset gadai janji	2,636	3,283	—	—
Sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	7,848	5,254	7,848	5,254
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	45,110	9,560	35,756	9,097
Instrumen kewangan derivatif (Nota 37)	—	2,605	—	2,605
Perjanjian pembelian balik	8,807	5,395	—	—
Lain-lain	29	49	29	49
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskau	1,027,078	1,122,445	834,551	959,854
	109,946	106,920	(483)	(821)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	1,137,024	1,229,365	834,068	959,033

## 24 PENDAPATAN DARIPADA ASET SECARA ISLAM

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pendapatan daripada:				
Aset gadai janji secara Islam	109,632	85,001	—	—
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	3,275	—	—	—
Perjanjian pembelian balik	882	286	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Tambah: Pertambahan diskau	113,789	85,287	—	—
	92,257	73,242	—	—
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	206,046	158,529	—	—

## 25 PERBELANJAAN FAEDAH

	Kumpulan 2006 RM'000	Kumpulan 2005 RM'000	Syarikat 2006 RM'000	Syarikat 2005 RM'000
Perbelanjaan faedah daripada:				
Bon pembawa tidak bercagar	701,631	806,875	701,631	806,875
Nota pembawa tidak bercagar	15,283	-	15,283	-
RMBS	174,635	74,887	-	-
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	360	2,627	360	2,627
Instrumen kewangan derivatif (Nota 37)	-	4,981	-	4,981
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	891,909	889,370	717,274	814,483
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

## 26 UNTUNG YANG DIAGIHKAN KEPADA PEMEGANG BON SECARA ISLAM

Untung yang boleh diagihkan kepada:				
IRMBS	93,683	37,217	-	-

## 27 PENDAPATAN BUKAN FAEDAH

Pendapatan sekuriti hutang secara Islam	12,099	11,311	12,099	11,311
Pendapatan lain:				
Hasil/(rugi) belum direalisasi atas penilaian semula instrumen kewangan derivatif	4,143	-	4,143	-
Hasil telah direalisasi atas swap kadar faedah (Nota 37)	3,024	-	3,024	-
Rugi telah direalisasi atas swap kadar faedah (Nota 37)	(7,331)	-	(7,331)	-
Pendapatan bukan kendalian lain	5,389	44	5,389	3,341
Hasil dari pelupusan sekuriti pelaburan sedia untuk dijual	369	-	369	-
Hasil dari pelupusan harta dan kelengkapan	36	-	36	-
Aset tak ketara hapus-kira	(129)	-	(129)	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	17,600	11,355	17,600	14,652
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

## 28 UNTUNG SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT

Butiran berikut telah diambil kira dalam pengiraan untung sebelum cukai dan zakat:

Ganjaran Pengarah (Nota 29)	408	326	408	326
Sewa ruang pejabat (Nota 36)	757	622	757	622
Sewa peralatan (Nota 36)	174	180	174	180
Ganjaran juruaudit:				
Yuran audit	98	85	98	85
Yuran bukan audit	60	94	60	94
Susustnilai harta dan kelengkapan	527	1,739	527	1,739
Pelunasan premium ke atas perisian komputer	2,070	-	2,070	-
Kos kakitangan:				
Gaji dan elauan	6,086	3,947	6,086	3,947
Bonus	2,157	1,012	2,157	1,012
Lebih masa	37	20	37	20
Pelan caruman wajib (KWSP)	1,282	825	1,282	825
PERKESO	34	26	34	26

Termasuk di dalam Ganjaran Pengarah dan Ganjaran Audit adalah amaun RM32,985 dan RM34,000 masing-masing (2005: RM74,750 dan RM20,000 masing-masing) yang telah diserap oleh Syarikat bagi pihak anak-anak syarikatnya.

## 29 GANJARAN PENGARAH

Bentuk ganjaran secara agregat bagi semua Pengarah Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Pengarah bukan eksekutif:				
Yuran	302	195	302	195
Ganjaran lain	106	131	106	131
	408	326	408	326

## 30 CUKAI

### (a) Cukai yang dikenakan di dalam tahun kewangan ini

Cukai semasa	39,903	74,187	30,994	39,039
Cukai tertunda (Nota 19)	51,580	53,574	3,472	2,899
	91,483	127,761	34,466	41,938

### (b) Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan

Cukai ke atas untung sebelum cukai Kumpulan dan Syarikat ini berbeza daripada jumlah yang mungkin dikenakan apabila menggunakan kadar cukai pendapatan berkanun Malaysia seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Untung sebelum cukai	363,585	456,765	128,939	150,112
Cukai yang dikira pada kadar cukai 20%	100	100	-	-
Cukai yang dikira pada kadar cukai 28% (2005: 28%)	101,664	127,754	36,103	42,031
Perbelanjaan yang tidak dipotong untuk tujuan cukai	196	30	196	30
Potongan daripada pengeluaran zakat	(326)	(123)	(326)	(123)
Perubahan kadar cukai	(10,034)	-	(1,390)	-
Perbezaan sementara yang tidak dikira pada tahun sebelumnya	(117)	-	(117)	-
Cukai yang dikenakan	91,483	127,761	33,466	41,938

## 31 ASET KETARA BERSIH DAN PENDAPATAN SESYER

Aset ketara bersih sesyer dikira dengan membahagikan aset ketara bersih berjumlah RM1,884,636,000 daripada Kumpulan dan RM1,417,128,000 daripada Syarikat masing-masing (2005: RM1,641,219,000 dan RM1,351,331,000 untuk Kumpulan dan Syarikat masing-masing) dengan 150,000,000 syer Kumpulan dan Syarikat ini dalam terbitan.

Pendapatan sesyer dikira dengan membahagikan untung bersih bagi tahun kewangan ini berjumlah RM270,899,000 untuk Kumpulan dan RM93,270,000 untuk Syarikat masing-masing (2005: RM327,840,000 dan RM107,010,000 untuk Kumpulan dan Syarikat masing-masing) dengan 150,000,000 syer Kumpulan dan Syarikat ini dalam terbitan.

## 32 DIVIDEN

	Kumpulan dan Syarikat			
	2006	Jumlah dividen bersih dari cukai RM'000	2005	Jumlah dividen bersih dari cukai RM'000
	Kasar sesyer sen	Kasar sesyer sen		Kasar sesyer sen
Dividen interim dibayar	5	5,400	5	5,400
Dividen akhir dicadangkan/dibayar	10	10,950	10	10,800
	<b>15</b>	<b>16,350</b>	<b>15</b>	<b>16,200</b>

Di dalam Mesyuarat Am Tahunan yang akan datang pada 7 Mei 2007, dividen kasar akhir sebanyak 10 sen sesyer bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 (2005: 10 sen sesyer), ditolak cukai pendapatan sebanyak 27% (2005: 28%) berjumlah RM10,950,000 (2005: RM10,800,000) akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang syer.

## 33 PIHAK BERKAITAN DAN URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN YANG KETARA

- (a) Pihak berkaitan dan hubungannya dengan Syarikat adalah seperti berikut:

Pihak Berkaitan	Hubungan
CMBS	Anak Syarikat
BNM Sukuk	Anak Syarikat
CSME	Anak Syarikat
Bank Negara Malaysia ("BNM")	Rakan niaga lain

BNM dianggap sebagai pihak berkaitan berdasarkan FRS 124 ke atas Urus niaga Pihak Berkaitan.

- (b) Urus niaga pihak berkaitan yang ketara dan baki:

Kebanyakan urus niaga yang melibatkan pinjaman gadai janji, hutang sewa beli dan pemajakan, hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam serta penerbitan sekuriti hutang tidak bercagar adalah dibuat secara tulus dengan para pemegang syer lain Syarikat ini. Urus niaga ini dijalankan berdasarkan syarat perniagaan (iaitu terma-terma dan syarat-syarat yang didapati daripada urus niaga dengan pihak-pihak yang tidak berkaitan) dan pada kadar pasaran melainkan dinyatakan sebaliknya. Urus niaga ini telah dinyatakan dalam kunci kira-kira dan penyata pendapatan Syarikat dan Kumpulan ini.

### 33 PIHAK BERKAITAN DAN URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN YANG KETARA (SAMB.)

#### (b) Urus niaga pihak berkaitan yang ketara dan baki (samb.)

Urus niaga pihak berkaitan yang ketara yang dilaksanakan sepetimana urus niaga perniagaan biasa adalah dinyatakan di bawah:

	Anak Syarikat RM'000	BNM RM'000
<b>2006</b>		
<b>Pendapatan</b>		
Yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir	5,334	-
<b>Perbelanjaan</b>		
Caj untuk Fully Automated System for Issuing and Tendering ("FAST") & Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities ("RENTAS")	-	574
<b>Jumlah ter hutang daripada</b>		
Yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir	693	-
Akaun semasa BNM	-	30
<b>2005</b>		
<b>Pendapatan</b>		
Yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir	3,298	-
<b>Perbelanjaan</b>		
Caj untuk FAST & RENTAS	-	281
<b>Jumlah ter hutang daripada</b>		
Yuran pentadbir urus niaga dan pentadbir	794	-
Akaun semasa BNM	-	16

Jumlah ter hutang daripada anak Syarikat adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan boleh dibayar secara tertunggak pada setiap tarikh pembayaran faedah/pengagihan untung.

Pihak kewangan pengurusan utama Syarikat ini juga menerima ganjaran bagi pemberian perkhidmatan mereka sepanjang tahun kewangan ini. Jumlah pampasan yang telah dibayar kepada pihak pengurusan utama Syarikat ini adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2006 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2005 RM'000
Gaji dan faedah jangka pendek pekerja	2,707	1,311	2,707	1,311
Faedah persaraan	304	-	304	-

Jumlah ganjaran yang dibayar kepada para Pengarah telah dinyatakan di dalam Nota 28 kepada penyata kewangan.

## 34 PELABURAN DI DALAM ANAK SYARIKAT

	2006 RM	2005 RM
Pelaburan di dalam anak syarikat: Syer tak tercatat pada kos	6	2

Anak syarikat kepada Cagamas Berhad yang juga entiti tujuan khas adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti Utama	Kepentingan di dalam ekuiti yang dipegang Cagamas Berhad	
		2006	2005
CMBS	Pensekuritian aset gadai janji Kerajaan Malaysia dan penerbitan RMBS/IRMBS untuk membiayai pembelian tersebut	100%	100%
BNM Sukuk	Penerbitan sekuriti secara Islam untuk membiayai pembelian kepentingan berafaedah atas tanah bangunan daripada BNM dan kemudian menyewakan tanah bangunan yang sama kepada BNM	100%	-
CSME	Pensekuritian pinjaman perusahaan kecil dan sederhana melalui pensekuritian tunai atau sintetik atau gabungan kedua-duanya	100%	-

BNM Sukuk telah ditubuhkan pada 18 Januari 2006 dengan sokongan Bank Negara Malaysia sebagai anak syarikat milik penuh Syarikat ini untuk menerbitkan sekuriti secara Islam yang selaras dengan prinsip Syariah. Keputusan dan aset bersih BNM Sukuk tidak disatukan dengan Cagamas Berhad disebabkan Kumpulan ini tidak mempunyai kuasa ke atas polisi kewangan dan operasi anak syarikat dan ia tidak menerima faedah ekonomi daripada aktiviti mereka.

Cagamas SME Berhad telah ditubuhkan pada 17 Februari 2006. Keputusan dan aset bersih BNM Sukuk tidak disatukan dengan Cagamas Berhad kerana anak syarikat ini masih belum mulakan perniagaan dan adalah tidak matan pada 31 Disember 2006.

## 35 KOMITMEN MODAL

	Kumpulan dan Syarikat 2006 RM'000	2005 RM'000
Perbelanjaan modal: Dibenarkan dan diikat janji Dibenarkan dan tetapi tidak diikat janji	1,231 72	- -
Dianalisis seperti berikut: Harta dan peralatan	1,303	-

## 36 KOMITMEN PAJAKAN

Kumpulan dan Syarikat ini mempunyai komitmen pajakan berkaitan dengan sewaan ruang pejabat dan sewaan peralatan yang kesemuanya adalah pajakan kendalian. Ringkasan bagi komitmen jangka panjang yang tidak boleh dibatalkan adalah seperti berikut:

Tahun	Kumpulan dan Syarikat RM'000
Dalam tempoh setahun	1,119
Setahun hingga lima tahun	2,223
	<hr/> 3,342

## 37 INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF

